JUZU' KE-16

SURAH MARYAM

SURAH KE **19**

SURAH MARYAM

JUMLAH AYAT **98**

Surah Maryam

(Makkiyah)

Kecuali Ayat 58 dan 71 diturunkan di Madinah

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 40)

كٓهيعٓصٓ ١
ذِكۡرُ رَحۡمَتِ رَبِّكَ عَبۡدَهُۥ زَكَرِيَّآ ٢
إِذۡ نَادَىٰ رَبَّهُۥ نِدَآءً خَفِيّٗا ٣
قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ ٱلۡعَظۡمُ مِنِّي وَٱشۡتَعَلَ ٱلرَّأۡسُ شَيۡبٗا وَلَمۡ أَكُنۢ بِدُعَآئِكَ رَبِّ شَقِيّٗا ٤
وَإِنِّي خِفۡتُ ٱلۡمَوَٰلِيَ مِن وَرَآءِي وَكَانَتِ ٱمۡرَأَتِي عَاقِرٗا فَهَبۡ لِي مِن لَّدُنكَ وَلِيّٗا ٥
يَرِثُنِي وَيَرِثُ مِنۡ ءَالِ يَعۡقُوبَۖ وَٱجۡعَلۡهُ رَبِّ رَضِيّٗا ٦
يَٰزَكَرِيَّآ إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَٰمٍ ٱسۡمُهُۥ يَحۡيَىٰ لَمۡ نَجۡعَل لَّهُۥ مِن قَبۡلُ سَمِيّٗا ٧
قَالَ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي غُلَٰمٞ وَكَانَتِ ٱمۡرَأَتِي عَاقِرٗا وَقَدۡ بَلَغۡتُ مِنَ ٱلۡكِبَرِ عِتِيّٗا ٨
قَالَ كَذَٰلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَيَّ هَيِّنٞ وَقَدۡ خَلَقۡتُكَ مِن قَبۡلُ وَلَمۡ تَكُ شَيۡـٔٗا ٩
قَالَ رَبِّ ٱجۡعَل لِّيٓ ءَايَةٗۖ قَالَ ءَايَتُكَ أَلَّا تُكَلِّمَ ٱلنَّاسَ ثَلَٰثَ لَيَالٖ سَوِيّٗا ١٠

"Kaaf, Haa, Yaa, 'Ain, Saad(1). (Inilah) penjelasan limpah rahmat Tuhanmu kepada hamba-Nya Zakaria(2). Ketika dia berdo'a secara sulit kepada Tuhannya(3). Dia berseru: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya tulang-tulangku telah menjadi lemah dan kepalaku telah dinyalai uban dan aku tidak pernah kecewa berdo'a kepada-Mu(4). Dan sesungguhnya aku bimbang terhadap kaum kerabatku sepeninggalan-ku nanti, sedangkan isteriku seorang yang mandul. Oleh itu kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu seorang anak lelaki(5). Yang akan mewarisiku dan mewarisi warisan dari keluarga Ya'kub dan jadikannya, wahai Tuhanku, seorang (anak) yang diredhai(6). Wahai Zakaria! Sesungguhnya Kami menyampaikan kepadamu berita gembira mendapat seorang anak lelaki yang bernama Yahya, yang sebelumnya Kami belum pernah jadikan seorang pun yang senama dengannya(7). Zakaria berkata: Wahai Tuhanku! Bagaimana aku akan memperolehi anak, sedangkan isteriku seorang yang mandul dan aku sendiri telah mencapai umur yang sangat tua(8). Allah berfirman: Demikianlah kehendak Tuhanmu. Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu adalah amat mudah kepada-Ku dan sesungguhnya sebelum ini Aku telahpun menciptakan engkau, sedangkan engkau belum berupa sesuatu(9). Kata Zakaria: Wahai Tuhanku! Jadikanlah untukku suatu alamat. Jawab Allah: Alamat untukmu ialah engkau tidak dapat bercakap-cakap dengan orang ramai selama tiga malam, sedangkan engkau sihat"(10).

فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوۡمِهِۦ مِنَ ٱلۡمِحۡرَابِ فَأَوۡحَىٰٓ إِلَيۡهِمۡ أَن سَبِّحُواْ بُكۡرَةٗ وَعَشِيّٗا ١١
يَٰيَحۡيَىٰ خُذِ ٱلۡكِتَٰبَ بِقُوَّةٖۖ وَءَاتَيۡنَٰهُ ٱلۡحُكۡمَ صَبِيّٗا ١٢
وَحَنَانٗا مِّن لَّدُنَّا وَزَكَوٰةٗۖ وَكَانَ تَقِيّٗا ١٣
وَبَرَّۢا بِوَٰلِدَيۡهِ وَلَمۡ يَكُن جَبَّارًا عَصِيّٗا ١٤
وَسَلَٰمٌ عَلَيۡهِ يَوۡمَ وُلِدَ وَيَوۡمَ يَمُوتُ وَيَوۡمَ يُبۡعَثُ حَيّٗا ١٥
وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ مَرۡيَمَ إِذِ ٱنتَبَذَتۡ مِنۡ أَهۡلِهَا مَكَانٗا شَرۡقِيّٗا ١٦
فَٱتَّخَذَتۡ مِن دُونِهِمۡ حِجَابٗا فَأَرۡسَلۡنَآ إِلَيۡهَا رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرٗا سَوِيّٗا ١٧
قَالَتۡ إِنِّيٓ أَعُوذُ بِٱلرَّحۡمَٰنِ مِنكَ إِن كُنتَ تَقِيّٗا ١٨

قَالَ إِنَّمَآ أَنَا۠ رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهَبَ لَكِ غُلَٰمًا زَكِيًّا ﴿١٩﴾

قَالَتْ أَنَّىٰ يَكُونُ لِى غُلَٰمٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِى بَشَرٌ وَلَمْ أَكُ بَغِيًّا ﴿٢٠﴾

"Lalu dia pun keluar dari Mihrab menuju kepada kaumnya dan menyarankan kepada mereka: Hendaklah kamu bertasbih kepada Allah pagi dan petang(11). Wahai Yahya! Peganglah kitab ini dengan teguh. Dan Kami telah mengurniakan kepadanya kebijaksanaan semasa dia masih kanak-kanak lagi(12). Dan perasaan kasihan belas dari sisi Kami dan kebersihan diri, dan dia adalah seorang yang bertaqwa(13). Dan dia seorang yang berbakti kepada dua ibubapanya dan tidak pernah berlagak sombong dan menderhaka(14). Dan Kami (limpahkan) kesejahteraan ke atasnya pada hari dia dilahirkan dan pada hari dia mati dan pada hari dia dibangkitkan hidup kembali(15). Dan kenangilah kisah Maryam di dalam kitab Al-Qur'an ketika dia mengasingkan diri dari keluarganya di suatu tempat di sebelah Timur(16). Dia memasang tabir (yang melindunginya) dari mereka kemudian Kami utuskan roh (Jibril) Kami kepadanya lalu ia menjelma (dengan rupa) seorang manusia yang sempurna(17). Ujar Maryam: Sesungguhnya aku berlindung pada Allah Yang Maha Penyayang dari gangguan engkau jika engkau benar seorang yang bertaqwa(18). Jawab Jibril: Sebenarnya aku ini adalah utusan dari Tuhanmu untuk memberi seorang anak lelaki yang suci kepadamu(19). Kata Maryam: Bagaimana aku akan memperolehi anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh seorang lelaki pun dan tidak pula pernah menjadi perempuan yang jahat"(20).

قَالَ كَذَٰلِكِ قَالَ رَبُّكِ هُوَ عَلَىَّ هَيِّنٌ ۖ وَلِنَجْعَلَهُۥٓ ءَايَةً لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِّنَّا ۚ وَكَانَ أَمْرًا مَّقْضِيًّا ﴿٢١﴾

فَحَمَلَتْهُ فَٱنتَبَذَتْ بِهِۦ مَكَانًا قَصِيًّا ﴿٢٢﴾

فَأَجَآءَهَا ٱلْمَخَاضُ إِلَىٰ جِذْعِ ٱلنَّخْلَةِ قَالَتْ يَٰلَيْتَنِى مِتُّ قَبْلَ هَٰذَا وَكُنتُ نَسْيًا مَّنسِيًّا ﴿٢٣﴾

فَنَادَىٰهَا مِن تَحْتِهَآ أَلَّا تَحْزَنِى قَدْ جَعَلَ رَبُّكِ تَحْتَكِ سَرِيًّا ﴿٢٤﴾

وَهُزِّىٓ إِلَيْكِ بِجِذْعِ ٱلنَّخْلَةِ تُسَٰقِطْ عَلَيْكِ رُطَبًا جَنِيًّا ﴿٢٥﴾

فَكُلِى وَٱشْرَبِى وَقَرِّى عَيْنًا ۖ فَإِمَّا تَرَيِنَّ مِنَ ٱلْبَشَرِ أَحَدًا فَقُولِىٓ إِنِّى نَذَرْتُ لِلرَّحْمَٰنِ صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ ٱلْيَوْمَ إِنسِيًّا ﴿٢٦﴾

فَأَتَتْ بِهِۦ قَوْمَهَا تَحْمِلُهُۥ ۖ قَالُوا۟ يَٰمَرْيَمُ لَقَدْ جِئْتِ شَيْـًٔا فَرِيًّا ﴿٢٧﴾

يَٰٓأُخْتَ هَٰرُونَ مَا كَانَ أَبُوكِ ٱمْرَأَ سَوْءٍ وَمَا كَانَتْ أُمُّكِ بَغِيًّا ﴿٢٨﴾

فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ ۖ قَالُوا۟ كَيْفَ نُكَلِّمُ مَن كَانَ فِى ٱلْمَهْدِ صَبِيًّا ﴿٢٩﴾

قَالَ إِنِّى عَبْدُ ٱللَّهِ ءَاتَىٰنِىَ ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلَنِى نَبِيًّا ﴿٣٠﴾

"Jawab Jibril: Demikianlah (kehendak Tuhanmu). Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu adalah amat mudah kepada-Ku, dan Kami berbuat demikian agar Kami jadikannya suatu bukti (kekuasaan Kami) kepada manusia dan sebagai suatu rahmat dari Kami, dan perkara itu telah menjadi suatu keputusan yang telah ditetapkan(21). Lalu Maryam mengandungkannya dan mengasingkan diri dengan kandungannya di suatu tempat yang jauh(22). Kemudian kesakitan bersalin telah memaksa Maryam (bersandar) di pangkal batang pohon kurma seraya berkata: Aduhai! Alangkah baiknya andainya aku telah mati sebelum ini dan menjadi seorang yang terus dilupai(23). Lalu dia (bayi yang baru lahir) menyeru Maryam dari sebelah bawahnya: Janganlah bonda bersedih! Sesungguhnya Tuhan bonda telah menjadikan sebuah parit air di bawah (tapak kaki) bonda(24). Dan goncangkanlah batang kurma itu ke arah bonda nescaya ia akan menggugurkan buah kurma yang masak kepada bonda(25). Oleh itu makan dan minumlah bonda dan senangkanlah hati bonda! Dan andainya bonda melihat seorang manusia, maka katakanlah kepadanya: Aku telah bernazar puasa. Oleh itu aku tidak akan bercakap dengan sesiapa pun pada hari ini(26). Kemudian Maryam membawa anaknya kepada kaumnya. Mereka berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang keji(27). Wahai saudara perempuan Harun! Bapamu bukannya seorang yang jahat dan ibumu juga bukannya seorang penzina(28). Lalu Maryam memberi isyarat kepada anaknya dan mereka pun berkata: Bagaimana kami hendak bercakap dengan seorang bayi yang masih di dalam buaian?(29). Ujar 'Isa: Sesungguhnya aku ini ialah hamba Allah. Dia telah mengurniakanku kitab (injil) dan menjadikanku seorang Nabi"(30).

وَجَعَلَنِى مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنتُ وَأَوْصَٰنِى بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾

وَبَرًّۢا بِوَٰلِدَتِى وَلَمْ يَجْعَلْنِى جَبَّارًا شَقِيًّا ﴿٣٢﴾

وَٱلسَّلَٰمُ عَلَىَّ يَوْمَ وُلِدتُّ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ حَيًّا ﴿٣٣﴾

ذَٰلِكَ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَۖ قَوۡلَ ٱلۡحَقِّ ٱلَّذِي فِيهِ يَمۡتَرُونَ ٣٤
مَا كَانَ لِلَّهِ أَن يَتَّخِذَ مِن وَلَدٖۖ سُبۡحَٰنَهُۥٓۚ إِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرٗا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ٣٥
وَإِنَّ ٱللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمۡ فَٱعۡبُدُوهُۚ هَٰذَا صِرَٰطٞ مُّسۡتَقِيمٞ ٣٦
فَٱخۡتَلَفَ ٱلۡأَحۡزَابُ مِنۢ بَيۡنِهِمۡۖ فَوَيۡلٞ لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ مِن مَّشۡهَدِ يَوۡمٍ عَظِيمٍ ٣٧
أَسۡمِعۡ بِهِمۡ وَأَبۡصِرۡ يَوۡمَ يَأۡتُونَنَاۖ لَٰكِنِ ٱلظَّٰلِمُونَ ٱلۡيَوۡمَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٣٨
وَأَنذِرۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡحَسۡرَةِ إِذۡ قُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ وَهُمۡ فِي غَفۡلَةٖ وَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ٣٩
إِنَّا نَحۡنُ نَرِثُ ٱلۡأَرۡضَ وَمَنۡ عَلَيۡهَا وَإِلَيۡنَا يُرۡجَعُونَ ٤٠

"Dan Dia telah menjadikanku seorang yang diberkati di mana sahaja aku berada dan Dia telah memerintahku menunaikan solat dan zakat selama aku hidup(31). Dan melakukan kebaktian terhadap ibuku dan dia tidak menjadikanku seorang yang angkuh dan jahat.(32). Dan semoga kesejahteraan dilimpahkan ke atasku pada hari aku dilahir dan pada hari aku mati, juga pada hari aku dibangkitkan hidup kembali(33). Itulah 'Isa putera Maryam. (Dia telah membuat) penerangan yang benar yang dipertikaikan oleh mereka(34). Tidak sekali-kali wajar bagi Allah mempunyai sebarang anak. Maha Sucilah Dia. Apabila Dia telah memutuskan untuk menciptakan sesuatu, maka Dia hanya memerintah kepadanya: Jadilah! Maka iapun terus jadi(35). Dan sesungguhnya Allah adalah Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu sembahkan Dia. Inilah jalan yang lurus(36). Kemudian beberapa golongan di antara mereka telah berselisih faham, maka celakalah kepada orang-orang yang kafir dari kehadhiran suatu hari yang amat besar(37). Alangkah tajamnya pendengaran mereka dan alangkah terangnya penglihatan mereka pada hari mereka datang menemui Kami, tetapi pada hari ini orang-orang yang zalim berada di dalam kesesatan yang amat nyata(38). Dan ingatkan mereka tentang hari penyesalan iaitu ketika segala urusan (pengadilan) telah diputuskan, sedangkan mereka berada di dalam kelalaian dan tidak beriman(39). Sesungguhnya Kamilah yang mewarisi bumi dan para penghuninya dan kepada Kamilah mereka dikembalikan"(40).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Penjelasan surah ini berlegar di sekeliling paksi pembicaraan tauhid, penafian anak dan sekutu serta menyentuh persoalan kebangkitan yang dilandaskan di atas persoalan tauhid. Inilah pokok pembicaraan yang diperkatakan oleh surah ini, iaitu sama seperti kebiasaan pembicaraan Surah-surah Makkiyah yang lain.

Yang menjadi bahan surah ini ialah kisah-kisah. Ia dimulakan dengan kisah Zakaria dan Yahya, kemudian kisah Maryam dan kelahiran Nabi 'Isa, kemudian secebis kisah Ibrahim dengan bapanya, kemudian diiringi dengan sentuhan sepintas lalu kisah-kisah para Anbia' iaitu Ishaq, Ya'kub, Musa, Harun, Ismail, Idris, Adam dan Nuh. Kisah-kisah ini menghabiskan dua pertiga surah ini. Semuanya bertujuan untuk menegakkan konsep-konsep Wahdaniyah, kebangkitan, penafian anak dan sekutu-sekutu dan menerangkan cara hidup orang yang menerima hidayat dan cara hidup orang-orang yang sesat dari pengikut-pengikut para Anbia' itu.

Dan dari sinilah diselingi dengan beberapa pemandangan Qiamat dan beberapa perdebatan dengan orang-orang yang ingkarkan kebangkitan, juga mengecam kepercayaan syirik dan dakwaan anak serta menayangkan akibat-akibat kebinasaan para Musyrikin dan pendusta di dunia dan Akhirat. Semuanya selaras dengan arah tujuan kisah-kisah yang tersebut di dalam surah dan berkumpul di sekitar paksi pembicaraannya yang pokok.

Seluruh surah ini diselubungi suasana khusus yang memayungi dan menyerapinya serta mengikuti maudhu'-maudhu' pembicaraannya.

Susunan ayat-ayat surah ini merupakan pameran yang menayangkan emosi-emosi dan perasaan-perasaan yang berkobar-kobar, iaitu emosi yang berkecamuk di dalam jiwa manusia dan jiwa alam buana yang ada di sekeliling mereka. Oleh itu alam buana yang kita anggap beku dan tidak berperasaan itu digambarkan dalam ayat-ayat itu sebagai makhluk yang berjiwa, berhati perut, berperasaan dan beremosi yang turut serta melukiskan suasana umum surah ini. Di sana kita melihat langit, bumi dan gunung-ganang dilanda perasaan marah dan terharu hingga ia hampir-hampir pecah, terbelah dan mengeluh besar kerana membantah (dakwaan manusia kaum Musyrikin):

أَن دَعَوۡاْ لِلرَّحۡمَٰنِ وَلَدٗا ٩١

"Kerana mereka mendakwa Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak."(91).

وَمَا يَنۢبَغِي لِلرَّحۡمَٰنِ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا ٩٢

"Sedangkan tidak wajar bagi Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak."(92)

Emosi-emosi yang berkecamuk di dalam jiwa manusia telah dimulakan bersama pembukaan surah dan berakhir dengan tamatnya surah. Kisah-kisah pokok yang terdapat di dalam surah adalah penuh dengan emosi-emosi ini dalam babak-babaknya yang keras dan mendalam, terutama di dalam kisah Maryam dan kelahiran 'Isa.

Bayangan yang menguasai suasana surah ialah bayangan rahmat kasihan belas, keredhaan dan hubungan mesra. Ia bermula dengan menyebut rahmat Allah yang dilimpahkan ke atas hamba-Nya Zakaria:

"Kaaf, Haa, Yaa, 'Ain, Saad."(1)

Ketika beliau berdo'a kepada Tuhannya:

ذِكۡرُ رَحۡمَتِ رَبِّكَ عَبۡدَهُۥ زَكَرِيَّآ ﴿٢﴾

"(Inilah) penjelasan limpah rahmat Tuhanmu kepada hamba-Nya Zakaria."(2)

إِذۡ نَادَىٰ رَبَّهُۥ نِدَآءً خَفِيّٗا ﴿٣﴾

"Ketika dia berdo'a secara sulit kepada Tuhannya."(3)

Kata-kata rahmat, makna dan suasananya berulang-ulang kali disebut di celah-celah surah ini. Di sana juga kerap kali disebut nama ar-Rahman di samping menggambarkan ni'mat kesenangan yang diterima oleh para Mu'minin dalam bentuk perusaan kasih mesra:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَيَجۡعَلُ لَهُمُ ٱلرَّحۡمَٰنُ وُدّٗا ﴿٩٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan dikurniakan Allah Yang Maha Penyayang kasih mèsra terhadap mereka."(96)

Ia menyebut ni'mat Allah iaitu ni'mat kasihan belas yang dikurniakan kepada Yahya.

وَحَنَانٗا مِّن لَّدُنَّا وَزَكَوٰةٗۖ وَكَانَ تَقِيّٗا ﴿١٣﴾

"Dan perasaan kasihan belas dari sisi Kami dan kebersihan diri dan dia adalah seorang yang bertaqwa."(13)

Dan seterusnya menyebut ni'mat Allah ke atas 'Isa, iaitu ni'mat yang menjadikan beliau seorang yang berbakti kepada ibunya dan bersifat lemah lembut:

وَبَرَّۢا بِوَٰلِدَتِي وَلَمۡ يَجۡعَلۡنِي جَبَّارٗا شَقِيّٗا ﴿٣٢﴾

"Dan melakukan kebaktian terhadap ibuku dan dia tidak menjadikanku seorang yang angkuh dan jahat."(32)

Anda dapat merasa belaian kasih mesra dan jejak-jejaknya yang lemah-lembut di dalam kalimat-kalimat, ungkapan-ungkapan dan bayangan-bayangannya di samping anda dapat merasakan gerakan intifadhah alam buana dan pemberontakan-pemberontakannya terhadap kesan kalimat syirik yang tidak sanggup diterima oleh fitrahnya. Begitu juga anda dapat merasa bahawa surah ini mempunyai nada muzik yang tersendiri. Hingga bunyi kata-kata dan bunyi ceraian-ceraian (kedengaran begitu) lembut dan mendalam, iaitu radhya, sarya, khafya, najya.... sementara di tempat-tempat yang memerlukan kekerasan, maka bunyi ceraian-ceraian akhirnya dibunyikan dengan huruf dal yang bertasydid pada kebanyakan tempat, iaitu madda, dhidda, idda, hadda atau dengan huruf zai, iaitu 'izza dan azza.

Kepelbagaian nada muzik, bunyi ceraian-ceraian dan akhir-akhir ayat yang sama senada itu yang berubah-ubah mengikut perubahan suasana dan maudhu' pembicaraan itu nampak begitu jelas di dalam surah ini.[1] Ia dimulakan dengan kisah Zakaria dan Yahya, di mana ceraian dan akhir ayat yang berbunyi begini:

ذِكۡرُ رَحۡمَتِ رَبِّكَ عَبۡدَهُۥ زَكَرِيَّآ ﴿٢﴾
إِذۡ نَادَىٰ رَبَّهُۥ نِدَآءً خَفِيّٗا ﴿٣﴾

Hingga akhir. Kemudian diiringi pula dengan kisah Maryam dan 'Isa, di mana ceraian dan akhir ayat kedengaran senada dengan irama bunyi ini:

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ مَرۡيَمَ إِذِ ٱنتَبَذَتۡ مِنۡ أَهۡلِهَا مَكَانٗا شَرۡقِيّٗا ﴿١٦﴾
فَٱتَّخَذَتۡ مِن دُونِهِمۡ حِجَابٗا فَأَرۡسَلۡنَآ إِلَيۡهَا رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرٗا سَوِيّٗا ﴿١٧﴾

Hingga tamatnya kisah-kisah itu dengan iringi kata ulasan yang menjelaskan hakikat 'Isa ibn Maryam dan memberi kata pemutus tentang persoalan hubungan beliau sebagai anak Allah. Di sini rentak irama bunyi ceraian dan akhir ayat itu kedengaran berlain-lainan, di mana ceraian-ceraian itu memanjang dan akhir ayat ditamatkan dengan huruf Mim atau Nun mati yang tetap ketika waqaf bukan dengan huruf ya, yang dipanjangkan dengan lembut. Ia berbunyi seperti berikut:

ذَٰلِكَ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَۖ قَوۡلَ ٱلۡحَقِّ ٱلَّذِي فِيهِ يَمۡتَرُونَ ﴿٣٤﴾
مَا كَانَ لِلَّهِ أَن يَتَّخِذَ مِن وَلَدٖۖ سُبۡحَٰنَهُۥٓۚ إِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرٗا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٣٥﴾

hingga akhir. Dan apabila ayat penjelasan dan kata pemutus itu tamat dan ayat-ayat selanjutnya kembali memperkatakan kisah-kisah itu, maka bunyi akhir ayat yang lembut dan memanjang itu pun kembali semula:

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِبۡرَٰهِيمَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقٗا نَّبِيًّا ﴿٤١﴾

---

[1] *Lihat pembicaraan ini yan dijelaskan dengan panjang lebar dalam bab "*التناسق الفني في القرآن*" dalam buku "*التصوير الفني في القرآن*".*

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِى عَنكَ شَيْـًٔا ﴿٤٢﴾

hingga akhir. Dan apabila datang ayat yang menerangkan tentang para pendusta dan akibat-akibat 'azab dan kemurkaan yang menunggu mereka, maka nada muziknya dan bunyi akhir ayat-ayat itu pun turut berubah:

قُلْ مَن كَانَ فِى ٱلضَّلَٰلَةِ فَلْيَمْدُدْ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ مَدًّا حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوْا۟ مَا يُوعَدُونَ إِمَّا ٱلْعَذَابَ وَإِمَّا ٱلسَّاعَةَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضْعَفُ جُندًا ﴿٧٥﴾

hingga akhir. Dan di tempat-tempat pernyataan kecaman bunyi kata-kata dan irama itu pun kedengaran keras dengan huruf dal yang bertasydid:

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ﴿٨٨﴾

لَّقَدْ جِئْتُمْ شَيْـًٔا إِدًّا ﴿٨٩﴾

تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنشَقُّ ٱلْأَرْضُ وَتَخِرُّ ٱلْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾

hingga akhir. Demikianlah nada muzik dalam surah ini berkumandang mengikut konsep pembicaraan dan suasana. Nada-nada itu turut serta untuk mengekalkan suasana yang selaras dengan konsep pembicaraan di celah-celah surah ini mengikut peralihan-peralihan penerangan ayat dari satu suasana ke satu suasana dan dari satu konsep kepada satu konsep yang lain.

* * * * * *

Ayat-ayat yang memperkatakan maudhu'-maudhu' surah ini bergerak di dalam tiga pusingan.

Pusingan pertama mengandungi kisah-kisah Zakaria, Yahya, Maryam dan 'Isa serta kesimpulan terhadap kisah ini, iaitu kesimpulan yang memberi kata pemutus mengenai persoalan 'Isa yang telah menimbulkan banyak perdebatan dan perselisihan faham di antara puak-puak Yahudi dan Kristian.

Pusingan yang kedua mengandungi sebabak kisah Ibrahim dengan bapa dan kaumnya dan bagaimana beliau mengasingkan dirinya dari agama syirik dan bagaimana Allah menggantikan kepada beliau dengan satu zuriat yang kemudian melahir satu umat, juga mengandungi singgungan-singgungan ringkas mengenai kisah-kisah para Anbia' dan kisah mereka yang mendapat hidayat dari mereka dan kisah pelampau-pelampau yang menentang mereka dan nasib kesudahan mereka masing-masing. Pusingan ini berakhir dengan mengumumkan hakikat ketuhanan Yang Maha Esa yang disembah tanpa sebarang sekutu:

رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ لِعِبَٰدَتِهِۦ هَلْ تَعْلَمُ لَهُۥ سَمِيًّا ﴿٦٥﴾

"Dialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan segala apa yang ada di antara keduanya. Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepadanya. Apakah engkau pernah mengetahui siapa yang sama (setanding) dengannya?"(65)

Pusingan yang ketiga dan akhir dimulakan dengan perdebatan di sekitar persoalan kebangkitan, dan menayangkan beberapa pandangan hari Qiamat serta menunjukkan gambaran bantahan alam buana terhadap dakwaan syirik. Ia berakhir dengan tayangan satu pemandangan kebinasaan umat-umat yang terdahulu yang meninggalkan kesan yang mendalam:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّن قَرْنٍ هَلْ تُحِسُّ مِنْهُم مِّنْ أَحَدٍ أَوْ تَسْمَعُ لَهُمْ رِكْزًۢا ﴿٩٨﴾

"Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka apakah engkau nampak seorang dari mereka atau mendengar sesuatu bisikan dari mereka?"(98)

Marilah kita mulai pelajaran yang pertama:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 13)

كٓهيعٓصٓ ﴿١﴾

"Kaaf, Haa, Yaa, Ain, Saad."(1)

Inilah huruf-huruf potongan yang dijadikan kata pembukaan pada setengah-setengah surah, dan pentafsirannya yang kami pilih ialah huruf-huruf ini merupakan contoh-contoh dari huruf-huruf yang digunakan dalam penggubahan Al-Qur'an, iaitu satu gubahan baru yang tidak mampu dibuat oleh manusia walaupun mereka memiliki huruf-huruf itu dan mengetahui kalimat-kalimatnya. Mereka tetap lemah untuk menggubah dengan huruf-huruf itu seperti gubahan qudrat Ilahi Yang Maha Kreatif yang telah menyusunkan Al-Qur'an ini.

Selepas huruf-huruf potongan itu terus dimulakan dengan kisah pertama, iaitu kisah Zakaria dan Yahya yang berteraskan rahmat Allah dan berpayungkan dengan-Nya, justeru itulah ia dimulakan dengan menyebut rahmat Allah:

ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُۥ زَكَرِيَّآ ﴿٢﴾

"(Inilah) penjelasan limpah rahmat Tuhanmu kepada hamba-Nya Zakaria."(2)

Kisah ini dimulakan dengan adegan do'a, di mana Zakaria berdo'a kepada Allah dengan penuh kerendahan diri dan secara rahsia:

إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥ نِدَآءً خَفِيًّا ﴿٣﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّى وَهَنَ ٱلْعَظْمُ مِنِّى وَٱشْتَعَلَ ٱلرَّأْسُ
شَيْبًا وَلَمْ أَكُنۢ بِدُعَآئِكَ رَبِّ شَقِيًّا ﴿٤﴾
وَإِنِّى خِفْتُ ٱلْمَوَٰلِىَ مِن وَرَآءِى وَكَانَتِ ٱمْرَأَتِى
عَاقِرًا فَهَبْ لِى مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا ﴿٥﴾
يَرِثُنِى وَيَرِثُ مِنْ ءَالِ يَعْقُوبَ ۖ وَٱجْعَلْهُ رَبِّ
رَضِيًّا ﴿٦﴾

"Ketika dia berdo'a secara sulit kepada Tuhannya(3). Dia berseru: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya tulang-tulangku telah menjadi lemah dan kepalaku telah dinyalai uban dan aku tidak pernah kecewa berdo'a kepada-Mu(4). Dan sesungguhnya aku bimbang terhadap kaum kerabatku sepeninggalanku nanti, sedangkan isteriku seorang yang mandul. Oleh itu kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu seorang anak lelaki(5). Yang akan mewarisiku dan mewarisi warisan dari keluarga Ya'kub, dan jadikannya, wahai Tuhanku, seorang (anak) yang diredhai."(6)

Beliau bermunajat dengan Allah jauh dari mata orang ramai dan jauh dari pendengaran mereka. Beliau berdo'a di suatu tempat yang terasing, di mana beliau dapat menumpukan seluruh hatinya kepada Allah dan mendedahkan kepadanya beban-beban kesusahan hatinya yang berat. Beliau menyeru Allah dengan kata-kata yang dekat dan mesra:

قَالَ رَبِّ

"Dia berseru: Wahai Tuhanku!"(4)

Do'a Nabi Zakaria a.s.

Iaitu beliau berseru secara langsung tanpa sesuatu wasitah dan tanpa menggunakan kata seru "wahai". Sesungguhnya Allah tetap mendengar dan melihat walaupun tanpa berdo'a dan berseru, tetapi (telah menjadi kebiasaan) bahawa seseorang yang susah itu merasa senang meluahkan perasaan dan merasa perlu mengemukakan rayuannya. Allah Yang Maha Pengasih memang mengetahui rahsia tabiat manusia ini, oleh kerana itulah dia menggalakkan mereka supaya berdo'a dan meluahkan isi perasaan yang menyusahkan hatinya:

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِىٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْ

"Dan Tuhan kamu telah berfirman: Berdo'alah kepadaku nescaya aku perkenankan permohonan kamu"

(Surah Ghaafir: 60)

supaya mereka dapat merehatkan saraf mereka dari beban-beban perasaan yang memenatkan mereka dan supaya hati mereka menjadi tenang kerana mereka telah menyerahkan beban-beban penanggungan mereka kepada pihak yang lebih kuat dan lebih berkuasa, juga supaya mereka merasa hubungan mesra dengan Allah yang tidak pernah menghampa dan mengecewakan sesiapa sahaja yang berlindung dan berserah kepada-Nya.

Zakaria a.s. mengadu kepada Allah kelemahan tulang-temalangnya dan apabila tulang-temalang lemah, maka seluruh jisim menjadi lemah. Tulang-temalang merupakan bahagian jisim yang paling kuat dan menjadi teras dan tiang, di mana tegak dan berpadunya jisim. Beliau juga mengadu kepada Allah bahawa kepalanya telah dinyalai uban. Ungkapan Al-Qur'an yang memberi gambaran yang seni itu menjadikan uban itu seolah-olah api yang bernyala dan menjadikan seluruh kepala itu diselubungi api yang bernyala hingga tidak ada lagi bahagian rambut yang hitam di kepala yang telah dihinggapi api yang bernyala itu.

Tulang-temalang yang lemah dan kepala yang dinyalakan uban itu kedua-duanya merupakan kiasan usia tua bangka dan kelemahannya yang sedang dialami Zakaria dan diadukannya kepada Allah ketika beliau mendedahkan keadaan dan harapan kepada-Nya.

Kemudian beliau iringi dengan perkataannya:

وَلَمْ أَكُنۢ بِدُعَآئِكَ رَبِّ شَقِيًّا ﴿٤﴾

"Dan aku tidak pernah kecewa berdo'a kepada-Mu."(4)

Di sini beliau mengaku bahawa Allah sentiasa memperkenankan pemohonannya apabila beliau berdo'a kepada-Nya. Beliau tidak pernah kecewa apabila berdo'a kepada-Nya semasa dalam usia-usia mudanya yang gagah dan kuat, dan kini alangkah besar hajat beliau agar Allah memperkenankan permohonan beliau dan menyempurnakan pengurniaan ni'mat kepada beliau semasa berada dalam usia yang tua bangka ini.

Ketika menggambarkan keadaan dirinya dan menyatakan harapannya, beliau menyebut perkara yang di-bimbanginya dan mengemukakan apa yang dipinta olehnya. Beliau bimbang terhadap pengganti-penggantinya yang kemudian, iaitu beliau bimbang mereka tidak dapat melaksanakan warisan yang akan ditinggalkannya kelak dengan cara yang diredhai Allah, dan yang dimaksudkan dengan warisan itu ialah warisan da'wah yang diperjuangkan oleh beliau, kerana beliau adalah salah seorang dari para Anbia' Bani Israel yang terkemuka, juga warisan ahli keluarganya yang dipelihara oleh beliau termasuk Siti Maryam yang dijagai beliau yang kini sedang berkhidmat di rumah ibadat yang dikendalikannya, juga warisan harta benda yang kini ditadbirkan oleh beliau dengan baik dan dibelanjakan untuk tujuan-tujuan yang wajar. Beliau khuatir terhadap kebolehan kaum kerabatnya sepeninggalan beliau kelak dalam menguruskan segala warisan itu. Beliau bimbang

mereka tidak dapat mengikuti jejak langkahnya. Menurut satu cerita, beliau menyedari bahawa kaum kerabatnya itu tidak layak untuk mengendalikan warisan-warisan itu.

وَكَانَتِ ٱمْرَأَتِى عَاقِرًا

"Sedangkan isteriku seorang yang mandul"(5)

dia tidak dapat melahirkan anak kerana itu beliau tidak mempunyai anak yang dapat diasuh, dididik dan disediakan untuk mewarisi dan menggantikan beliau.

Itulah perkara yang dibimbangi beliau, dan apa yang dipinta beliau ialah seorang anak lelaki yang dapat menerima dan mengendalikan warisannya dan menjunjung warisan kenabian dari datuk neneknya:

فَهَبْ لِى مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا ﴿٥﴾ يَرِثُنِى وَيَرِثُ مِنْ ءَالِ يَعْقُوبَ

"Oleh itu kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu seorang anak lelaki yang dapat mewarisiku dan mewarisi warisan dari keluarga Ya'kub."(5-6)

Zakaria Nabi yang soleh ini tidak lupa menggambarkan harapan hatinya pada bakal pewaris yang diharap-harapkannya di zaman tuanya itu:

وَٱجْعَلْهُ رَبِّ رَضِيًّا ﴿٦﴾

"Dan jadikannya, wahai tuhanku, seorang (anak) yang diredhai."(6)

Yakni bukan seorang anak yang angkuh dan kasar, sombong dan tamak. Kata-kata "رضيا" (seorang yang diredhai) membayangkan pengertian-pengertian itu, iaitu dia seorang yang dapat memberi kesayangan dan disayangi orang, dia dapat mewujudkan suasana-suasana kesayangan di alam sekitarnya dan dirinya.

Itulah do'a Zakaria kepada Allah dengan segala kerendahan diri dan secara rahsia. Semua kata-kata, makna-makna, bayangan-bayangan dan nada-nada yang lembut turut serta dalam menggambarkan senario do'a.

Kemudian detik do'a itu diperkenankan Allah digambarkan dengan penuh ri'ayah, kemesraan dan keredhaan, di mana Allah menyeru hamba-Nya dari al-Mala'ul-A'la:

"Wahai Zakaria!"

kemudian berita gembira itu disampaikan dengan segera:

إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَٰمٍ

"Sesungguhnya Kami menyampaikan kepadamu berita gembira mendapat seorang anak lelaki"(7)

dan lelaki yang menjadi berita gembira ini dilimpahkan pula dengan kemesraan Ilahi yang telah memilih namanya:

"Yang bernama Yahya"

iaitu satu nama yang belum pernah dipakai sebelum ini:

"Yang sebelumnya Kami belum pernah jadikan seorang pun yang senama dengannya."(7)

Itulah limpah kurnia Allah kepada hamba-Nya yang telah berdo'a kepada-Nya dengan segala kerendahan diri dan bermunajat dengan-Nya secara rahsia, di mana dia menyatakan kepada Allah kebimbangan dan harapannya. Motif yang mendorong beliau berdo'a kepada Allah ialah kekhuatirannya terhadap kaum kerabat sepeninggalan beliau nanti untuk memperjuangkan warisan 'aqidah, mengurus harta benda dan menjaga kaum keluarga mengikut cara yang diredhai Allah. Semua niatnya itu sememangnya telah diketahui Allah dan Allah telah melimpahkan kurnia yang memuaskan hatinya.

Kemudian Zakaria a.s. seolah-olah baru sedarkan dirinya dari lamunan cita-cita dan harapannya yang berkobar-kobar itu apabila do'a beliau itu telah diperkenankan Allah dalam waktu yang dekat dan membuat beliau berdepan dengan realiti, iaitu beliau kini sedar bahawa beliau adalah seorang yang telah meningkat usia yang amat tua, segala tulang-temalang anggotanya lemah belaka, kepalanya dipenuhi uban dan isterinya pula seorang perempuan mandul yang belum pernah melahirkan anak di zaman mudanya yang kuat. Jadi bagaimana nanti dia akan memperolehi anak? Beliau mahu mendapatkan kepastian dan mahu mengetahui bagaimana cara Allah akan mengurniakan anak lelaki itu kepadanya:

"Zakaria berkata: Wahai Tuhanku! Bagaimana aku akan memperolehi anak, sedangkan isteriku seorang yang mandul dan aku sendiri telah mencapai umur yang sangat tua."(8)

Kini beliau menghadapi realiti di samping menghadapi janji Allah. Beliau cukup yakin dengan janji itu, tetapi beliau ingin mengetahui bagaimana janji itu akan dilaksanakan Allah di hadapan realiti ini untuk mententeramkan hatinya. Ini adalah satu keadaan jiwa yang biasa ketika menghadapi keadaan seperti keadaan yang dialami Zakaria Nabi yang soleh itu. Beliau tidak dapat melupakan realiti hidupnya dan oleh kerana itu beliau ingin mengetahui bagaimana Allah mengubahkan realiti itu.

Di sini kemusykilannya itu dijawab Allah, iaitu perkara ini amat mudah kepada Allah dan Allah

mengingatkan beliau dengan satu contoh yang dekat, iaitu contoh kejadian dirinya sendiri yang diciptakan dari tiada kepada ada. Itulah contoh kepada setiap makhluk yang hidup dan kepada setiap sesuatu yang wujud di alam buana ini:

قَالَ كَذَٰلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَيَّ هَيِّنٌ وَقَدْ خَلَقْتُكَ مِن قَبْلُ وَلَمْ تَكُ شَيْـًٔا ﴿٩﴾

"Allah berfirman: Demikianlah kehendak Tuhanmu. Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu adalah amat mudah kepada-Ku dan sesungguhnya sebelum ini Aku telahpun menciptakan engkau, sedangkan engkau belum berupa sesuatu."(9)

Dalam urusan ciptaan itu tidak ada yang mudah dan yang sukar di sisi Allah, kerana sarana ciptaan sama ada untuk mewujudkan sesuatu yang kecil atau yang besar, yang hina atau yang mulia adalah sama sahaja, iaitu dengan perintah "kun" (jadilah) dan ia pun terus jadi.

Allah yang berkuasa menjadikan perempuan yang mandul tidak dapat melahirkan anak dan menjadikan orang yang tua bangka tidak dapat menurunkan zuriat, maka Allahlah juga yang berkuasa membetulkan perempuan yang mandul dan menghapuskan sebab kemandulan itu, juga membaharui tenaga menurunkan zuriat pada lelaki. Tentulah ini lebih mudah, pada hemat manusia, dari menciptakan hayat dari permulaan walaupun segala sesuatu itu mudah belaka kepada Allah sama ada mengulangi ciptaan atau melakukan ciptaan yang baru.

Namun demikian keinginan Zakaria a.s. yang berkobar-kobar untuk meni'mati ketenteraman hati telah mendorong beliau meminta alamat yang menunjukkan bahawa berita gembira itu telah terlaksana, lalu Allah memberikan kepadanya satu alamat yang sesuai dengan suasana jiwa, di mana do'a itu diangkat dan diperkenankan. Agar dengan alamat itu dapatlah beliau menunaikan kewajipan bersyukur kepada Allah yang telah mengurniakan anak dalam usianya yang amat tua. Alamat itu ialah beliau memencilkan dirinya dari dunia orang ramai dan hidup bermunajat dengan Allah selama tiga malam, di mana lidahnya menjadi lancar apabila bertasbih kepada Allah dan menjadi tertahan-tahan apabila bercakap dengan orang ramai, sedangkan semua anggotanya sihat walafiat, dan lidahnya tidak telor dan tidak pula mengidap apa-apa penyakit.

قَالَ رَبِّ ٱجْعَل لِّيٓ ءَايَةً ۚ قَالَ ءَايَتُكَ أَلَّا تُكَلِّمَ ٱلنَّاسَ ثَلَٰثَ لَيَالٍ سَوِيًّا ﴿١٠﴾

"Kata Zakaria: Wahai Tuhanku! Jadikanlah untukku sesuatu alamat. Jawab Allah: Alamat untukmu ialah engkau tidak dapat bercakap-cakap dengan orang ramai selama tiga malam, sedangkan engkau sihat."(10)

Semuanya itu telah berlaku begitu:

فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوْمِهِۦ مِنَ ٱلْمِحْرَابِ فَأَوْحَىٰٓ إِلَيْهِمْ أَن سَبِّحُوا۟ بُكْرَةً وَعَشِيًّا ﴿١١﴾

"Lalu diapun keluar dari Mihrab menuju kepada kaumnya dan menyarankan kepada mereka: Hendaklah kamu bertasbih kepada Allah pagi dan petang."(11)

Beliau berbuat demikian supaya orang ramai turut menghayati suasana yang dihayatinya dan supaya mereka turut bersyukur bersama beliau di atas limpah kurnia Allah kepadanya dan kepada mereka selepas peninggalannya.

Ayat ini meninggalkan Zakaria dalam keadaannya yang diam membongkam dan bertasbih, dan tirai pun dilabuh menutup pemandangan ini dan lembaran ceritanya digolong untuk dibuka lembaran baru - yang mengisahkan - Yahya yang sedang diseru Allah dari alam al-Mala'ul-A'la:

يَٰيَحْيَىٰ خُذِ ٱلْكِتَٰبَ بِقُوَّةٍ ۖ

"Wahai Yahya! Peganglah kitab ini dengan teguh."(12)

Kelahiran Nabi Yahya a.s.

Yahya a.s. telah pun dilahirkan ke dunia dan beliau telah membesar menjadi seorang kanak-kanak di celah ruang kosong yang telah ditinggalkan oleh ayat tadi di antara dua pemandangan ini. Itulah cara Al-Qur'an yang seni dalam membentangkan kisah-kisah untuk menonjolkan babak-babak dan adegan-adegan yang paling penting, paling hidup dan dinamis.

Ayat ini memulakan (kisah Yahya) dengan seruan Ilahi yang dihadapkan kepada beliau sebelum diceritakan sepatah pun mengenai diri beliau, kerana pemandangan seruan Ilahi merupakan satu pemandangan yang indah dan agung. Ia menunjukkan ketinggian martabat Yahya dan kemurahan Allah memperkenankan permintaan Zakaria a.s. supaya Allah mengurniakan kepadanya seorang anak yang boleh menggantikannya dengan baik menjaga warisan 'aqidah dan kaum keluarga. Itulah babak pertama kisah Yahya, iaitu babak beliau ditugas memikul amanah agung.

يَٰيَحْيَىٰ خُذِ ٱلْكِتَٰبَ بِقُوَّةٍ ۖ

"Wahai Yahya! Peganglah kitab ini dengan teguh."(12)

Kitab yang dimaksudkan itu ialah kitab Taurat, iaitu kitab suci Bani Israel selepas Nabi Musa a.s.. Berdasarkan kitab inilah bangkitnya Nabi-Nabi mereka mengajar dan memerintah dengannya. Kini Yahya a.s. telah mewarisi ayahandanya Zakaria a.s. dan beliau diseru supaya memikul tugas itu dan melaksanakan amanah itu dengan hati yang teguh dan penuh azam, dan supaya beliau tidak bersikap lemah, cuai dan mengelakkan diri dari tugas-tugas warisan itu.

Selepas seruan itu ayat berikut menerangkan pula tentang bekalan Ilahi yang dilengkapkan pada Yahya untuk melaksanakan tanggungjawab yang agung itu:

وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْحُكْمَ صَبِيًّا ﴿١٢﴾ وَحَنَانًا مِّن لَّدُنَّا وَزَكَوٰةً ۖ وَكَانَ تَقِيًّا ﴿١٣﴾

"Dan Kami telah mengurniakan kepadanya kebijaksanaan semasa dia masih kanak-kanak lagi dan perasaan kasihan belas dari sisi Kami dan kebersihan diri, dan dia adalah seorang yang bertaqwa."(12-13)

Inilah sifat-sifat kelayakan yang dibekalkan Allah kepada beliau untuk membantu beliau memikul tugas yang diamanahkan kepadanya ketika beliau diserukan Allah.

Beliau dari masa kanak-kanak lagi telah dikurniakan kebijaksanaan. Bekalan Ilahi kepada beliau adalah satu bekalan yang unik sebagaimana nama dan kelahirannya juga unik. Biasanya sifat kebijaksanaan itu datang kemudian, tetapi sifat itu telah dibekalkan kepada Yahya semasa beliau masih kanak-kanak lagi.

Beliau juga telah dikurniakan Allah perasaan kasihan belas semulajadi yang tidak dipaksa-paksa dan tidak pula dipelajarinya. Dari semulajadi lagi beliau ditanam dengan sifat kasihan belas, iaitu satu sifat yang perlu kepada seorang Nabi yang ditugas untuk membela hati dan jiwa manusia dan untuk menjinak dan menariknya secara halus kepada kebaikan.

Dan beliau telah dikurniakan sifat kebersihan hati dan kesucian tabiat untuk menghadapi kekotoran hati dan kecemaran jiwa manusia supaya dapat dibersihkan.

"Dan dia adalah seorang yang bertaqwa"(13)

iaitu seorang yang sentiasa berhubung dengan Allah, sentiasa menyegani-Nya, sentiasa bermuraqabah dengan-Nya, sentiasa takut kepada-Nya dan sentiasa merasa berada di bawah perhatian Allah ketika beliau bersendirian.

Itulah bekalan yang dikurniakan Allah kepada Yahya a.s. semasa kecilnya untuk mengganti ayahandanya yang telah memohon kepada Allah secara rahsia kemudian Allah memperkenankan permohonannya dan mengurniakan kepadanya seorang anak lelaki yang bersih jiwanya.

Setakat ini tirai dilabuhkan menutup kisah Yahya sebagaimana sebelum ini ia telah dilabuhkan kerana menutup kisah Zakaria. Ayat-ayat tadi telah melukiskan garis-garis pokok dari sejarah hidupnya, agamanya dan arah perjuangannya. Pengajaran dari kisah-kisah itu dapat diambil dengan jelas di dalam do'a Zakaria dan pengabulan Allah terhadap do'a beliau, juga di dalam seruan Ilahi kepada Yahya dan sifat-sifat yang dibekalkan Allah kepadanya. Penceritaan kisah-kisah itu secara terperinci sebenarnya tidak dapat menambahkan apa-apa dari segi pengajaran dan tujuan kisah-kisah itu.

* * * * * *

Kelahiran Nabi 'Isa a.s.

Sekarang marilah kita ikuti kisah yang lebih aneh dari kisah kelahiran Yahya, iaitu kisah kelahiran 'Isa yang perlahan-lahan berkembang dari kisah Yahya yang pertama itu, di mana titik keanehannya ialah seorang isteri yang mandul dapat melahirkan anak dari seorang suami yang sangat tua, kepada kisah yang kedua di mana titik keanehannya ialah seorang dara sunti yang melahirkan anak tanpa suami. Ini tentulah merupakan satu kisah yang lebih ganjil dan aneh lagi.

Apabila kita abaikan peristiwa ciptaan manusia yang pertama kali dengan rupa bentuknya yang ada sekarang ini, tentulah peristiwa kelahiran 'Isa putera Maryam itu merupakan satu peristiwa yang paling aneh yang diketahui manusia di sepanjang sejarahnya, satu peristiwa unik yang tiada tolok bandingnya baik sebelumnya mahupun kemudiannya.

Manusia tidak pernah melihat penciptaan dirinya sendiri, yang merupakan satu peristiwa aneh yang amat besar di dalam sejarahnya. Manusia tidak pernah melihat penciptaan manusia yang pertama (Adam) tanpa bapa dan ibu. Peristiwa itu telah berlalu berabad-abad lamanya, kemudian hikmat Ilahiyah hendak menunjukkan peristiwa aneh yang kedua iaitu kelahiran 'Isa tanpa bapa. Ini adalah satu kelahiran yang tidak mengikut peraturan biasa yang wujud sejak umat manusia berada di muka bumi ini supaya dapat dilihat oleh manusia. Kemudian peristiwa ini akan kekal dirakam di dalam sejarah manusia sebagai satu peristiwa yang menonjol dan unik yang mendapat perhatian seluruh generasi manusia andainya mereka merasa begitu sukar untuk melihat peristiwa aneh penciptaan manusia yang pertama (Adam) yang tidak pernah dilihat oleh sesiapa pun.

Ia telah berlaku mengikut Sunnatullah yang telah mengaturkannya untuk kesinambungan hidup dengan beranak pinak melalui lelaki dan perempuan/jantan dan betina dalam semua spesies makhluk yang hidup tanpa kecuali hingga pada spesies makhluk-makhluk yang tidak didapati jenis jantan dan betina yang berbeza, kerana sel-sel jantan dan betinanya terkumpul pada individunya yang tunggal. Peraturan kelahiran ini berlaku berabad-abad lamanya hingga tersemat di dalam fikiran manusia bahawa itulah satu-satunya cara kelahiran manusia dan mereka telah lupakan kepada peristiwa penciptaan manusia yang pertama kerana ia di luar contoh perbandingan. Oleh itu Allah hendak mengemukakan kepada mereka contoh 'Isa putera Maryam a.s. untuk menyedarkan mereka terhadap hakikat kebebasan qudrat dan iradat Allah dan menyedarkan mereka bahawa kebebasan qudrat dan iradat Allah tidak terpenjara di dalam pagar undang-undang yang telah dipilih oleh-Nya sendiri. Peristiwa

kelahiran seperti 'Isa itu tidak berulang kerana, pada dasarnya, yang harus berkuatkuasa ialah undang-undang yang telah ditetapkan Allah, yang harus berjalan terus ialah undang-undang yang telah dipilih oleh Allah, sedangkan peristiwa yang tunggal ini (kelahiran 'Isa) cukuplah untuk menjadi satu bukti yang jelas di hadapan mata manusia terhadap kebebasan kehendak masyi'ah Allah yang tidak pernah terpenjara di dalam batas-batas undang-undang (yang telah ditetapkan-Nya):

وَلِنَجۡعَلَهُۥٓ ءَايَةٗ لِّلنَّاسِ

"Dan agar Kami jadikannya suatu bukti (kekuasaan Kami) kepada manusia."(21)

Melihat betapa aneh dan besarnya peristiwa ini, maka setengah-setengah golongan manusia merasa begitu sukar untuk memahaminya secara biasa dan untuk memikirkan hikmatnya mengapa ia ditonjolkan Allah (sebegitu rupa), lalu mereka memberikan sifat-sifat Uluhiyah kepada 'Isa putera Maryam a.s. dan mengadakan di sekitar kelahiran beliau berbagai-bagai khurafat dan dongeng dan menunggang-balikkan hikmat peristiwa itu dengan cara yang ganjil ini, iaitu mengubahkan hikmatnya yang bertujuan untuk membuktikan hakikat qudrat Allah yang tidak terbatas itu kepada bentuk kepercayaan yang merosakkan 'aqidah tauhid.

Di dalam surah ini Al-Qur'an menceritakan bagaimana peristiwa yang aneh itu berlaku dan menunjukkan maksudnya yang sebenar dan menolak khurafat dan dongeng-dongeng itu.

Ayat-ayat berikut menayangkan kisah itu di dalam beberapa pemandangan yang menarik, penuh dengan perasaan dan emosi yang begitu hebat memeranjatkan para pembacanya seolah-olah mereka melihat dengan mata mereka sendiri.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 33)

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ مَرۡيَمَ إِذِ ٱنتَبَذَتۡ مِنۡ أَهۡلِهَا مَكَانٗا شَرۡقِيّٗا ١٦

فَٱتَّخَذَتۡ مِن دُونِهِمۡ حِجَابٗا فَأَرۡسَلۡنَآ إِلَيۡهَا رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرٗا سَوِيّٗا ١٧

قَالَتۡ إِنِّيٓ أَعُوذُ بِٱلرَّحۡمَٰنِ مِنكَ إِن كُنتَ تَقِيّٗا ١٨

قَالَ إِنَّمَآ أَنَا۠ رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهَبَ لَكِ غُلَٰمٗا زَكِيّٗا ١٩

قَالَتۡ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي غُلَٰمٞ وَلَمۡ يَمۡسَسۡنِي بَشَرٞ وَلَمۡ أَكُ بَغِيّٗا ٢٠

قَالَ كَذَٰلِكِ قَالَ رَبُّكِ هُوَ عَلَيَّ هَيِّنٞۖ وَلِنَجۡعَلَهُۥٓ ءَايَةٗ لِّلنَّاسِ وَرَحۡمَةٗ مِّنَّاۚ وَكَانَ أَمۡرٗا مَّقۡضِيّٗا ٢١

"Dan kenangilah kisah Maryam di dalam kitab Al-Qur'an ketika dia mengasingkan diri dari keluarganya di suatu tempat di sebelah Timur(16). Dia memasang tabir (yang melindunginya) dari mereka kemudian Kami utuskan roh (Jibril) Kami kepadanya lalu ia menjelma (dengan rupa) seorang manusia yang sempurna(17). Ujar Maryam: Sesungguhnya aku berlindung pada Allah Yang Maha Penyayang dari gangguan engkau jika engkau benar seorang yang bertaqwa(18). Jawab Jibril: Sebenarnya aku ini adalah utusan dari Tuhanmu untuk memberi seorang anak lelaki yang suci kepadamu(19). Kata Maryam: Bagaimana aku akan memperolehi anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh seorang lelaki pun dan tidak pula pernah menjadi perempuan yang jahat(20). Jawab Jibril: Demikianlah (kehendak Tuhanmu). Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu adalah amat mudah kepada-Ku dan Kami berbuat demikian agar Kami jadikannya suatu bukti (kekuasaan Kami) kepada manusia dan sebagai suatu rahmat dari Kami dan perkara itu telah menjadi suatu keputusan yang telah ditetapkan."(21)

Inilah adegan pertama. Seorang gadis sunti yang suci yang telah dinazarkan ibunya untuk berkhidmat di rumah ibadat ketika ia masih dalam kandungan lagi dan semua orang mengenalinya sebagai gadis suci dan bermaruah tinggi. Keturunannya dihubungkan kepada Nabi Harun bapa para penjaga rumah ibadat Bani Israel yang berhati suci. Keluarganya terkenal jujur dan baik sejak dahulu lagi.

Kini Maryam sedang bersunyi diri (di suatu tempat) kerana sesuatu urusan peribadinya yang memerlukan beliau menjauhkan diri dari keluarganya dan menghilangkan diri dari pandangan mereka. Ayat-ayat tadi tidak menjelaskan apakah urusan yang dikerjakan oleh beliau, mungkin urusan itu sesuatu urusan yang amat peribadi dari urusan-urusan seorang gadis.

Kini Maryam sedang asyik dalam persembunyiannya yang tenang tenteram itu, tiba-tiba satu peristiwa yang amat mengejutkan berlaku, iaitu seorang lelaki yang sempurna tiba-tiba muncul di hadapannya:

فَأَرۡسَلۡنَآ إِلَيۡهَا رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرٗا سَوِيّٗا ١٧

"Kemudian Kami utuskan roh (Jibril) Kami kepadanya lalu dia menjelma (dengan rupa) seorang manusia yang sempurna."(17)

Kini Maryam amat terkejut dan takut sebagaimana biasa dialami gadis sunti apabila seorang lelaki tiba-tiba muncul di kamar persembunyiannya. Maryam terus meminta perlindungan dan pertolongan Allah. Dia mencabar perasaan taqwa yang ada pada hati lelaki itu dan merangsangkan perasaan takut kepada

Allah dan silu malu kepada perhatian Allah di tempat yang sunyi itu:

قَالَتْ إِنِّىٓ أَعُوذُ بِٱلرَّحْمَٰنِ مِنكَ إِن كُنتَ تَقِيًّا ﴿١٨﴾

"Ujar Maryam: Sesungguhnya aku berlindung pada Allah Yang Maha Penyayang dari gangguan engkau jika engkau benar seorang yang bertaqwa."(18)

Kerana seorang yang bertaqwa itu akan terus terbungkas kesedarannya sebaik sahaja disebutkan nama Allah Yang Maha Penyayang, dan akan terus mengundurkan diri dari dorongan nafsu dan godaan syaitan.

Di sini dapatlah daya khayal (kita) menggambarkan sendiri keadaan anak dara sunti yang jujur, suci dan berpendidikan yang baik, yang membesar di dalam persekitaran yang baik dan dipelihara oleh Zakaria yang pernah bernazar hendak memberikan anaknya kelak untuk berkhidmat kepada Allah. Inilah kejutan yang pertama kepada beliau.

قَالَ إِنَّمَآ أَنَا۠ رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهَبَ لَكِ غُلَٰمًا زَكِيًّا ﴿١٩﴾

"Jawab Jibril: Sebenarnya aku ini adalah utusan dari Tuhanmu untuk memberi seorang anak lelaki yang suci kepadamu."(19)

Di sini dapatlah daya khayal (kita) menggambarkan sendiri sejauh mana perasaan terkejut dan malu yang dialaminya. Ketika itu lelaki yang sempurna itu belum lagi dipercayainya sebagai utusan dari Allah. Mungkin dakwaan lelaki itu hanya merupakan satu helah yang merbahaya yang cuba mempergunakan kejujurannya sahaja. Kini lelaki itu berterus terang mengatakan kepadanya sesuatu yang mengguriskan pendengaran gadis sunti yang amat pemalu itu, iaitu dia datang untuk memberikan seorang anak lelaki kepadanya, sedangkan mereka berdua berada di satu tempat yang sunyi. Inilah kejutan yang kedua.

Kemudian Maryam yang terancam kehormatannya itu memberanikan dirinya, lalu bertanya dengan terus terang: Bagaimana?

قَالَتْ أَنَّىٰ يَكُونُ لِى غُلَٰمٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِى بَشَرٌ وَلَمْ أَكُ بَغِيًّا ﴿٢٠﴾

"Kata Maryam: Bagaimana aku akan memperolehi anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh seorang lelaki pun dan tidak pula pernah menjadi perempuan yang jahat."(20)

Demikianlah Maryam bertanya dengan terus terang dan dengan kata-kata yang terbuka, sedangkan dia dan lelaki itu berada di satu tempat yang sunyi. Oleh sebab tujuan kedatangan lelaki yang mendadak itu telah terbuka jelas sedangkan Maryam belum lagi mengetahui bagaimana cara lelaki itu hendak memberikan anak kepadanya, maka keadaan kekhuatiran Maryam itu tidaklah dapat diredakan dengan pengakuan lelaki itu yang berkata kepadanya:

قَالَ إِنَّمَآ أَنَا۠ رَسُولُ رَبِّكِ

"Sebenarnya aku ini adalah utusan dari Tuhanmu"(19)

dan tidak pula dapat diredakan andainya lelaki itu berkata bahawa dia diutus untuk memberikannya seorang anak lelaki yang bersih, tidak cemar kelahirannya dan tidak kotor sejarah hidupnya, supaya hati Maryam tenang. Oleh sebab itulah malu di sini (bagi Maryam) tidak berguna lagi, malah terus terang itulah sahaja yang lebih baik baginya. Bagaimana dia boleh melahirkan anak, sedangkan dia masih seorang anak dara sunti yang belum pernah disentuh oleh mana-mana manusia pun dan dia juga bukan seorang perempuan jahat hingga sanggup melakukan perbuatan yang boleh melahirkan anak.

Dari pertanyaan Maryam nampaklah bahawa dia tidak terfikir hingga ke sa'at itu adanya suatu cara yang lain untuk lelaki itu memberikannya anak lelaki selain dari jalan hubungan yang biasa di antara lelaki dan perempuan kerana itulah cara biasa mengikut fikiran manusia.

قَالَ كَذَٰلِكِ قَالَ رَبُّكِ هُوَ عَلَىَّ هَيِّنٌ وَلِنَجْعَلَهُۥٓ ءَايَةً لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِّنَّا

"Jawab Jibril: Demikianlah (kehendak Tuhanmu). Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu adalah amat mudah kepada-Ku dan Kami berbuat demikian agar Kami jadikannya suatu bukti (kekuasaan Kami) kepada manusia dan sebagai suatu rahmat dari Kami"(21)

maksudnya, perkara luar biasa yang tidak terfikir oleh Maryam kemungkinan berlakunya itu adalah amat mudah kepada Allah S.W.T., kerana segala sesuatu itu adalah mudah belaka kepada qudrat Ilahi yang hanya memerintah "kun" (jadilah!), maka iapun terus jadi. Semuanya mudah sama ada dengan peraturan biasa atau dengan cara yang lain. Ar-Ruhul-Amin (Jibril) memberitahu Maryam bahawa Allah memberitahu kepadanya bahawa perkara ini amat mudah kepada Allah dan bahawa Allah hendak menjadikan peristiwa yang aneh ini sebagai suatu bukti kepada manusia dan suatu alamat yang menunjukkan kepada kewujudan-Nya, kekuasaan-Nya dan kebebasan iradat-Nya, juga supaya menjadi rahmat kepada Bani Israel khususnya dan kepada umat manusia seluruhnya iaitu dengan mendzahirkan peristiwa ini yang akan membawa mereka mengenali Allah, beribadat kepada-Nya dan mencari keredhaan-Nya.

Dengan itu tamatlah dialog di antara Ar-Ruhul-Amin (Jibril) dengan Maryam al-'Azra'. Keterangan ayat-ayat tidak menyebut apakah yang telah berlaku selepas dialog itu? Di sini terdapat satu lagi ruang kosong dalam pembentangan kisah mengikut seni pembentangan Al-Qur'an, tetapi ia hanya menyebut segala apa yang telah diberitahu kepada Maryam, iaitu bahawa dia akan mendapat seorang anak lelaki walaupun dia masih dalam keadaan dara sunt tanpa disentuh oleh sesiapa pun dan anak lelaki ini akan

menjadi suatu bukti kepada manusia dan suatu rahmat dari Allah. Semuanya telah diputuskan Allah dan telah dilaksanakannya:

وَكَانَ أَمْرًا مَّقْضِيًّا ﴿٢١﴾

"Dan perkara itu telah menjadi suatu keputusan yang telah ditetapkan."(21)

Tetapi bagaimana? Di sini tidak ada sedikitpun penjelasan mengenai hal itu.[2]

Kemudian kisah itu diteruskan dalam satu adegannya yang baru, di mana ditayangkan Maryam al-'Azra' yang sedang kebingungan itu berada dalam satu keadaan yang lebih kritikal lagi:

فَحَمَلَتْهُ فَانتَبَذَتْ بِهِۦ مَكَانًا قَصِيًّا ﴿٢٢﴾ فَأَجَآءَهَا ٱلْمَخَاضُ إِلَىٰ جِذْعِ ٱلنَّخْلَةِ قَالَتْ يَٰلَيْتَنِى مِتُّ قَبْلَ هَٰذَا وَكُنتُ نَسْيًا مَّنسِيًّا ﴿٢٣﴾

"Lalu Maryam mengandungkannya dan mengasingkan diri dengan kandungannya di suatu tempat yang j auh(22). Kemudian kesakitan bersalin telah memaksa Maryam (bersandar) di pangkal batang pohon kurma seraya berkata: Aduhai! Alangkah baiknya andainya aku telah mati sebelum ini dan menjadi seorang yang terus dilupai."(23)

Inilah kejutan yang ketiga.

Ayat ini tidak menyebut bagaimana Maryam mengandung dan tidak pula menerangkan berapa lama dia mengandung. Adakah dia mengandung kandungan biasa seperti perempuan-perempuan yang lain mengandung, iaitu tiupan Ilahi itu telah membangkitkan hayat dan kecergasan pada telur (ovam) itu lalu subur menjadi 'alaqah, kemudian mudhghah kemudian tulang-temalang kemudian tulang-temalang ini dibalut dengan daging hingga menjadi janin yang sempurna pada masa-masanya yang biasa? Ini adalah satu kemungkinan, kerana telur perempuan itu mulai cergas dan subur selepas percantuman benih lelaki dan perempuan hingga menjadi janin dalam masa sembilan bulan Qamariah. Tiupan Ilahi itu mungkin telah memainkan peranan percantuman benih, lalu telur itu subur mengikut prosesnya yang biasa, dan mungkin pula dalam keadaan mengandung istimewa ini telur itu tidak melalui proses kesuburannya yang biasa selepas tiupan Ilahi itu, malah ia memendekkan peringkat-peringkat kesuburan itu dan terus subur menjadi janin yang sempurna dalam tempoh yang pendek. Oleh sebab di dalam ayat ini tidak ada apa-apa keterangan yang membayangkan dua kemungkinan ini, maka kami tidak ingin berkejar begitu jauh di belakang persoalan ini, iaitu persoalan yang tidak ada apa-apa sandaran bagi kami. Oleh itu marilah kita melihat Maryam sedang memencilkan diri dari keluarganya di suatu tempat yang jauh. Dia kini berada dalam keadaan yang lebih buruk dari keadaan yang telah kita jelaskan tadi. Andainya dahulu dia telah menghadapi persoalan kesucian diri, asuhan dan akhlak yang baik di antara dia dengan dirinya sendiri, tetapi sekarang dia tidak lama lagi akan menghadapi masyarakat pula dengan tembelang yang menggemparkan. Di samping itu dia juga sedang mengalami kesakitan jasmani di samping penderitaan jiwa dan menghadapi kesakitan bersalin hingga dia terpaksa menyandarkan dirinya di pangkal batang pohon kurma. Dia hanya berada seorang diri sahaja (di tempat itu) menghayati detik-detik cemas seorang dara sunti yang mengalami kesakitan bersalin bagi pertama kalinya tanpa sebarang pengetahuan dan tanpa seorang penolong, dan ketika inilah dia tiba-tiba merintih:

يَٰلَيْتَنِى مِتُّ قَبْلَ هَٰذَا وَكُنتُ نَسْيًا مَّنسِيًّا ﴿٢٣﴾

"Aduhai! Alangkah baiknya andainya aku telah mati sebelum ini dan menjadi seorang yang terus dilupai."(23)

(Di waktu ini) kita seolah-olah ternampak air muka Maryam yang merana dan dapat merasakan kekusutan fikirannya dan tempat-tempat kesakitannya. Dia bercita-cita menjadi seorang yang telah dilupai manusia laksana kain cawat yang digunakan untuk menahan darah haid kemudian dibuang sahaja dan terus dilupakan.

Di tengah-tengah kesakitan dan penderitaan itu berlakulah satu peristiwa besar yang amat memeranjatkan:

---

[2] *Di dalam Surah at-Tahrim diceritakan begini:((وَمَرْيَمَ ٱبْنَتَ عِمْرَٰنَ ٱلَّتِىٓ أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهِ مِن رُّوحِنَا)) - "Dan Maryam binti Imran yang telah memelihara kehormatannya, Kami telah tiupkan pada kehormatannya roh ciptaan Kami." Adakah kalimat "روحنا " dalam Surah Maryam ini sama maksudnya dengan kalimat " روحنا" di dalam Surah at-Tahrim (di atas). Adakah pengertian kedua-duanya sama? Kami cenderung mengatakan bahawa kedua-duanya mempunyai pengertian yang berlainan. Kalimat "روحنا " dalam Surah Maryam ini adalah dimaksudkan dengan Jibril ar-Ruhul-Amin, iaitu utusan Allah kepada Maryam, sedangkan kalimat "روحنا" dalam Surah at-Tahrim tadi adalah dimaksudkan dengan roh yang ditiupkan Allah pada 'Adam lalu menjadikannya makhluk insan kemudian ditiupkan pada kehormatan Maryam lalu menjadi sebiji telur (ovum) yang hidup dan bersedia untuk subur. Itulah tiupan Ilahi yang memberi hayat dan memberi ciri-ciri yang sesuai dengan janin hayat ini. Pada makhluk insan ciri-ciri itu ialah bakat-bakat kebolehan yang dapat menghubungkan mereka dengan alam al-Mala'ul-A'la dan memberikannya perasaan kemanusiaan, daya pemikiran, berbagai-bagai rasa dan ilham.Dalam kes Maryam kami tafsirkan bahawa Jibril iaitu ar-Ruhul-Amin adalah membawa dan menyampaikan tiupan roh yang luhur itu dari Allah. Kemudian kami kembali untuk mengatakan pula bahawa kami tidak mengetahui sedikit pun tentang hakikat roh dengan makna Jibril, begitu juga kami tidak mengetahui sedikit pun tentang hakikat roh dengan makna yang lain. Semuanya adalah urusan alam ghaib belaka. Kami hanya mencari ilham dari keterangan ayat-ayat yang tersebut di dalam dua surah itu dan kami dapati bahawa maksud roh di dalam dua surah itu adalah berlainan dan tidak sama.*

فَنَادَىٰهَا مِن تَحۡتِهَآ أَلَّا تَحۡزَنِي قَدۡ جَعَلَ رَبُّكِ تَحۡتَكِ سَرِيّٗا ﴿٢٤﴾
وَهُزِّيٓ إِلَيۡكِ بِجِذۡعِ ٱلنَّخۡلَةِ تُسَٰقِطۡ عَلَيۡكِ رُطَبٗا جَنِيّٗا ﴿٢٥﴾
فَكُلِي وَٱشۡرَبِي وَقَرِّي عَيۡنٗاۖ فَإِمَّا تَرَيِنَّ مِنَ ٱلۡبَشَرِ أَحَدٗا فَقُولِيٓ إِنِّي نَذَرۡتُ لِلرَّحۡمَٰنِ صَوۡمٗا فَلَنۡ أُكَلِّمَ ٱلۡيَوۡمَ إِنسِيّٗا ﴿٢٦﴾

"Lalu dia (bayi yang baru lahir) menyeru Maryam dari sebelah bawahnya: Janganlah bonda bersedih! Sesungguhnya Tuhan bonda telah menjadikan sebuah parit air di bawah (tapak kaki) bonda(24). Dan goncangkanlah batang kurma itu ke arah bonda nescaya ia akan menggugurkan buah kurma yang masak kepada bonda(25). Oleh itu makan dan minumlah bonda dan senangkanlah hati bonda! Dan andainya bonda melihat seorang manusia, maka katakanlah kepadanya: Aku telah bernazar puasa. Oleh itu aku tidak akan bercakap dengan sesiapa pun pada hari ini."(26)

Ya Allah! Bayi yang dilahirkan di sa'at itu tiba-tiba telah pandai memanggil Maryam dari bawahnya. Dia mententeramkan hati ibunya dan menghubungkannya dengan Allah, dia menunjukkan kepada ibunya makanan dan minumannya, hujjah dan alasannya.

Janganlah bonda berduka cita:

قَدۡ جَعَلَ رَبُّكِ تَحۡتَكِ سَرِيّٗا ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya Tuhan bonda telah menjadikan sebuah parit air di bawah (tapak kaki) bonda."(24)

Maksudnya, Allah tidak lupakan bonda dan tidak akan membiarkan bonda, malah Allah telah mengalirkan di bawah tapak kaki bonda satu parit air yang mengalir - pendapat yang lebih rajih, parit ini telah mengalir di sa'at itu juga dari sebuah matair atau mengalir dari saluran air bukit - dan pokok kurma yang disandari bonda itu adalah sepohon kurma yang kecil sahaja, oleh itu goncanglah batangnya nescaya ia menggugurkan kepada bonda buah-buahnya yang masak. Itulah makanan dan itulah minuman. Makanan yang manis itu adalah sesuai untuk perempuan-perempuan yang baru melahirkan anak, dan buah tamar masak muda dan buah tamar masak kering pula merupakan sebaik-baik makanan kepada perempuan-perempuan yang baru bersalin.

فَكُلِي وَٱشۡرَبِي وَقَرِّي عَيۡنٗاۖ

"Oleh itu makan dan minumlah bonda dan senanglah hati bonda"(26)

yakni makan dan minumlah sepuas hati bonda dan tenangkanlah hati bonda! Dan jika bonda menghadapi seseorang, maka beritahu kepadanya dengan cara yang lain dari bercakap bahawa bonda telah bernazar puasa dari bercakap kerana Allah dan sedang membulatkan ibadat kepada-Nya dan janganlah bonda menjawab sesuatu pertanyaan walau dari sesiapa pun.

Pada hemat kita, Maryam tentulah kaget dan terpegun sejurus lama sebelum menghulurkan tangannya menggoncang pokok kurma itu untuk mendapatkan buahnya yang masak, kemudian barulah dia sedar dan yakin bahawa Allah tidak akan mengabaikannya dan bahawa dia mempunyai hujjah yang cukup kuat iaitu bayi ini boleh bercakap semasa kecil lagi dan boleh menunjukkan mu'jizat Allah yang telah mengurniakan bayi itu kepadanya.

فَأَتَتۡ بِهِۦ قَوۡمَهَا تَحۡمِلُهُۥۖ

"Kemudian Maryam membawa anaknya kepada kaumnya."(27)

Marilah kita lihat adegan yang amat menarik ini. Sudah tentu kita dapat menggambarkan bagaimana jelasnya tanda kehairanan terlukis pada wajah kaumnya, iaitu anggota keluarganya yang dekat dan tinggal serumah dengannya atau anggota keluarganya dalam lingkungan yang kecil, apabila mereka melihat anak gadis mereka yang suci dan masih dara sunti yang diberikan kepada rumah ibadat dan sentiasa beramal ibadat itu tiba-tiba mendokong bayi:

قَالُواْ يَٰمَرۡيَمُ لَقَدۡ جِئۡتِ شَيۡـٔٗا فَرِيّٗا ﴿٢٧﴾

"Mereka berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang keji."(27)

يَٰٓأُخۡتَ هَٰرُونَ مَا كَانَ أَبُوكِ ٱمۡرَأَ سَوۡءٖ وَمَا كَانَتۡ أُمُّكِ بَغِيّٗا ﴿٢٨﴾

"Wahai saudara perempuan Harun! Bapamu bukannya seorang yang jahat dan ibumu juga bukannya seorang penzina."(28)

Mereka terus mengecam dan mencela Maryam: "Wahai Maryam! Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang keji" yakni satu perbuatan yang amat buruk dan tercela, kemudian kemarahan mereka berubah kepada ejekan yang pahit:

يَٰٓأُخۡتَ هَٰرُونَ

"Wahai saudara perempuan Harun!"(28)

Yakni saudara perempuan seorang Nabi yang menjaga rumah ibadat Bani Israel, iaitu Nabi Harun dan zuriat keturunannya selepas peninggalan beliau. Beliau adalah seorang Nabi yang engkau mempunyai hubungan yang rapat dengannya dalam amal ibadatmu dan khidmatmu kepada rumah ibadat itu. Alangkah jauh perbezaannya di antara hubungan keturunanmu dengan perbuatanmu yang amat keji itu:

مَا كَانَ أَبُوكِ ٱمۡرَأَ سَوۡءٖ وَمَا كَانَتۡ أُمُّكِ بَغِيّٗا ﴿٢٨﴾

"Bapamu bukannya seorang yang jahat dan ibumu juga bukannya seorang penzina."(28)

Maryam terus melaksanakan pesanan yang diajarkan oleh bayi yang aneh itu:

فَأَشَارَتۡ إِلَيۡهِۖ

"Lalu Maryam memberi isyarat kepada anaknya."(29)

Apakah yang kita dapat katakan di sa'at kehairanan dan kemarahan mereka ketika melihat anak dara mereka membawa pulang bayi kepada mereka, kemudian si anak ini pula tiba-tiba menunjukkan lagak yang angkuh dan mengejek terhadap tindak-tanduk mereka yang telah mengecam perbuatannya yang keji itu. Dia hanya berdiam diri dan memberi isyarat kepada mereka supaya bertanya kepada bayi itu sendiri tentang rahsianya:

قَالُواْ كَيۡفَ نُكَلِّمُ مَن كَانَ فِي ٱلۡمَهۡدِ صَبِيّٗا ﴿٢٩﴾

"Dan mereka pun berkata: Bagaimana kami hendak bercakap dengan seorang bayi yang masih di dalam buaian?"(29)

Tetapi inilah dia satu lagi mu'jizat aneh yang telah berlaku:

قَالَ إِنِّي عَبۡدُ ٱللَّهِ ءَاتَىٰنِيَ ٱلۡكِتَٰبَ وَجَعَلَنِي نَبِيّٗا ﴿٣٠﴾ وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيۡنَ مَا كُنتُ وَأَوۡصَٰنِي بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ مَا دُمۡتُ حَيّٗا ﴿٣١﴾ وَبَرَّۢا بِوَٰلِدَتِي وَلَمۡ يَجۡعَلۡنِي جَبَّارٗا شَقِيّٗا ﴿٣٢﴾ وَٱلسَّلَٰمُ عَلَيَّ يَوۡمَ وُلِدتُّ وَيَوۡمَ أَمُوتُ وَيَوۡمَ أُبۡعَثُ حَيّٗا ﴿٣٣﴾

"Ujar 'Isa: Sesungguhnya aku ini ialah hamba Allah. Dia telah mengurniakanku kitab (Injil) dan menjadikanku seorang Nabi(30). Dan Dia telah menjadikanku seorang yang diberkati di mana sahaja aku berada dan Dia telah memerintahku menunaikan solat dan zakat selama aku hidup(31). Dan melakukan kebaktian terhadap ibuku dan dia tidak menjadikanku seorang yang angkuh dan jahat(32). Dan semoga kesejahteraan dilimpahkan ke atasku pada hari aku dilahir dan pada hari aku mati, juga pada hari aku dibangkitkan hidup kembali."(33)

'Isa Menjelaskan Hakikat Dirinya

Demikianlah 'Isa a.s. mengisytiharkan sifat 'Ubudiyahnya kepada Allah. Oleh itu dia bukannya putera Allah sebagaimana yang telah didakwa oleh segolongan (orang-orang Kristian), dan bukannya Tuhan seperti yang didakwakan satu golongan yang lain. Dia bukan juga Tuhan yang ketiga dari tiga tuhan yang berpadu sebagai satu Tuhan dan (dalam waktu yang sama) mereka adalah tiga tuhan seperti yang telah didakwa oleh segolongan yang lain, malah 'Isa a.s. mengisytiharkan bahawa Allah telah melantikkan beliau menjadi seorang Nabi bukannya putera Allah dan bukan pula sekutu Allah dan dia telah memberkati beliau dan memerintah beliau supaya menunaikan solat dan zakat di sepanjang hidupnya dan supaya beliau berbakti kepada ibunya dan bersikap rendah diri terhadap keluarganya. Kini jelaslah bahawa 'Isa a.s. mempunyai usia hidup yang terbatas dengan masa-masa yang tertentu sahaja dan beliau juga mati dan akan dibangkitkan kembali, dan Allah telah mengurniakan kepada beliau kedamaian, keamanan dan ketenteraman pada hari beliau dilahirkan, juga pada hari beliau diwafatkan dan seterusnya pada hari beliau dibangkitkan hidup kembali.

Nas Al-Qur'an di sini cukup jelas tentang kewafatan 'Isa a.s. dan kebangkitannya, dan nas ini juga tidak dapat menerima sebarang ta'wilan yang lain dan sebarang pertikaian mengenai hakikat ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 36)

Keterangan Al-Qur'an tidak menambah apa-apa penjelasan yang lain dari pemandangan ini. Ia tidak menjelas bagaimana kaum Maryam menerima peristiwa mu'jizat ini dan apakah yang telah berlaku kepada Maryam dan anaknya yang aneh selepas peristiwa itu, dan bilakah nubuwwah 'Isa yang diisyaratkan dalam ayat berikut

ءَاتَىٰنِيَ ٱلۡكِتَٰبَ وَجَعَلَنِي نَبِيّٗا ﴿٣٠﴾

"Dia telah mengurniakanku kitab (Injil) dan menjadikanku seorang Nabi."(30)

Ini disebabkan kerana tujuan penjelasan di tempat ini ialah untuk menceritakan peristiwa kelahiran 'Isa sahaja dan apabila penjelasan itu sampai kepada adegan mu'jizat itu, maka tirai pun terus dilabuhkan untuk diiringi dengan kata kesimpulan mengenai tujuan yang dimaksudkan itu pada tempatnya yang paling wajar dengan gaya bahasa dan nada yang tegas iaitu:

ذَٰلِكَ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَۖ قَوۡلَ ٱلۡحَقِّ ٱلَّذِي فِيهِ يَمۡتَرُونَ ﴿٣٤﴾ مَا كَانَ لِلَّهِ أَن يَتَّخِذَ مِن وَلَدٖۖ سُبۡحَٰنَهُۥٓۚ إِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرٗا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٣٥﴾ وَإِنَّ ٱللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمۡ فَٱعۡبُدُوهُۚ هَٰذَا صِرَٰطٞ مُّسۡتَقِيمٞ ﴿٣٦﴾

"Itulah 'Isa putera Maryam. (Dia telah membuat) penerangan yang benar yang dipertikaikan oleh mereka(34). Tidak sekali-kali wajar bagi Allah mempunyai sebarang anak. Maha

Sucilah Dia. Apabila Dia telah memutuskan untuk menciptakan sesuatu, maka Dia hanya memerintah kepadanya: Jadilah, maka iapun terus jadi(35). Dan sesungguhnya Allah adalah Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu sembahkan Dia. Inilah jalan yang lurus."(36)

Maksudnya, itulah hakikat 'Isa putera Maryam itu bukannya seperti yang didakwakan oleh mereka yang mempertuhankan beliau atau oleh mereka yang menuduh ibunya tentang kelahirannya. Itulah hakikat 'Isa dan itulah hakikat kelahiran beliau. Itulah 'Isa yang telah menerangkan hakikat yang sebenar yang dipertikai dan diragui mereka. Beliau bukan sahaja menerangkan hakikat ini dengan lidahnya sendiri, malah diterangkan oleh lidah kisah itu sendiri:

مَا كَانَ لِلَّهِ أَن يَتَّخِذَ مِن وَلَدٍ

"Tidak sekali-kali wajar bagi Allah mempunyai sebarang anak."(35)

Maha Tinggi dan Maha Sucilah Allah darinya. Adalah tidak munasabah sama sekali Allah mempunyai anak kerana yang layak mempunyai anak ialah makhluk-makhluk yang fana untuk melanjutkan kewujudan keturunan mereka dan makhluk-makhluk yang lemah untuk mendapat bantuan dan pertolongan, sedangkan Allah adalah zat yang kekal yang tidak takut pupus dan fana, dan zat yang bersifat Maha Kuasa yang tidak memerlukan apa-apa bantuan dan pertolongan. Seluruh makhluk yang wujud ini adalah diciptakan Allah dengan sepatah perintah "كن" sahaja:

إِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٣٥﴾

"Apabila Dia telah memutuskan untuk menciptakan sesuatu, maka Dia hanya memerintah kepadanya: Jadilah, maka iapun terus jadi."(35)

Apa sahaja yang dikehendaki Allah untuk mewujudkannya, maka dia dapat mewujudkannya dengan kehendak iradat-Nya sahaja bukan dengan perantaraan anak dan penolong. Keterangan 'Isa dan keterangan lidah kisahnya diakhiri dengan sebuah perisytiharan yang mengumumkan Rububiyah Allah bagi diri 'Isa dan bagi seluruh manusia serta menyeru mereka supaya menyembah Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu-sekutu:

وَإِنَّ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ ۚ هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٣٦﴾

"Dan sesungguhnya Allah adalah Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu sembahkan Dia. Inilah jalan yang lurus."(36)

Oleh itu tiada lagi ruang untuk kepercayaan-kepercayaan yang karut dan dongeng-dongeng selepas pengakuan 'Isa dan pengakuan kisahnya. Inilah yang dimaksudkan dengan kata kesimpulan tadi yang diterangkan dengan gaya bahasa dan nada yang tegas itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 39)

Selepas penjelasan itu, Al-Qur'an membentangkan pula perselisihan faham yang berlaku di antara puak-puak dan golongan-golongan (orang-orang Kristian) mengenai hakikat 'Isa a.s., dan jelaslah bahawa perselisihan itu merupakan satu perkara yang tercela setelah menerima penjelasan hakikat yang amat terang ini:

فَٱخْتَلَفَ ٱلْأَحْزَابُ مِنۢ بَيْنِهِمْ

"Kemudian beberapa golongan di antara mereka telah berselisih faham."(37)

Seri Maharaja Constantine (Raja Rom) telah mengadakan satu perhimpunan agung para paderi besar - salah satu dari tiga perhimpunan agung para paderi yang terkenal - di mana bilangan para anggotanya terdiri dari dua ribu seratus tujuh puluh orang paderi besar. Mereka dengan sengitnya telah berselisihan faham sesama mereka mengenai hakikat 'Isa. Setiap puak mempunyai pendapatnya yang tersendiri. Ada setengah mereka berpendapat bahawa 'Isa itu ialah Allah. Dia telah turun ke bumi lalu dia menghidupkan siapa yang mahu dihidupkannya dan mematikan siapa yang mahu dimatikannya, kemudian dia naik semula ke langit. Setengah pula berpendapat bahawa 'Isa adalah anak Allah. Setengah yang lain berpendapat bahawa 'Isa adalah salah satu dari tiga uqnun/komponen iaitu bapa, anak dan Ruhul-Quds. Kata setengah pula, 'Isa ialah yang ketiga dari tiga iaitu Allah itu Tuhan dan dia ('Isa) itu tuhan dan ibunya juga tuhan. Kata yang lain, 'Isa itu hamba Allah dan utusan-Nya juga roh-Nya dan kalimat-Nya. Sementara puak-puak yang lain lagi mengeluarkan masing-masing pendapat yang tersendiri. Mereka gagal mendapat kata sepakat. Hanya lebih dari tiga ratus lapan orang paderi besar sahaja yang mempunyai satu pendapat yang sama dan pendapat ini disetujui oleh baginda Sri Maharaja dan baginda telah memberi sokongan yang kuat kepada golongan ini dan terus menindas dan menghalau puak-puak yang menentang terutama puak yang berpegang dengan 'aqidah tauhid.

Oleh sebab 'aqidah-'aqidah yang menyeleweng itu telah diputuskan oleh perhimpunan-perhimpunan agung yang dihadhiri oleh para paderi besar, maka ayat-ayat yang berikut memberi amaran kepada orang-orang kafir yang menyeleweng dari keimanan kepada Wahdaniyah Allah dengan satu pemandangan hari Qiamat yang besar di mana berkumpulnya perhimpunan-perhimpunan manusia yang amat besar dan di mana dapat dilihat akibat-akibat yang menimpa orang-orang kafir yang menyeleweng itu:

فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن مَّشْهَدِ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٣٧﴾

"Maka celakalah kepada orang-orang yang kafir dari kehadhiran suatu hari yang amat besar."(37)

أَسْمِعْ بِهِمْ وَأَبْصِرْ يَوْمَ يَأْتُونَنَا ۖ لَٰكِنِ ٱلظَّٰلِمُونَ ٱلْيَوْمَ

فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ﴿٣٨﴾ وَأَنذِرۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡحَسۡرَةِ إِذۡ قُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ وَهُمۡ فِي غَفۡلَةٖ وَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٣٩﴾

"Alangkah tajamnya pendengaran mereka dan alangkah terangnya penglihatan mereka pada hari mereka datang menemui Kami, tetapi pada hari ini orang-orang yang zalim berada di dalam kesesatan yang amat nyata(38). Dan ingatlah mereka tentang hari penyesalan iaitu ketika segala urusan (pangadilan) telah diputuskan, sedangkan mereka berada di dalam kelalaian dan tidak beriman."(39)

Kini celakalah kepada mereka dalam satu pemandangan hari Qiamat yang amat besar. Ia disebut dengan kata-kata yang umum untuk membesarkan pemandangan hari itu, iaitu satu pemandangan yang akan disaksikan oleh seluruh manusia dan jin di samping dihadhiri oleh para malaikat di hadapan Allah Yang Maha Kuasa yang telah dipersekutukan oleh orang-orang kafir.

Kemudian ayat yang berikut mengejek sikap orang-orang yang kafir dan tindakan mereka yang tidak menghiraukan bukti-bukti hidayat di dunia ini, sedangkan di dalam pemandangan Qiamat itu mereka kelihatan mempunyai pendengaran dan penglihatan yang paling tajam:

أَسۡمِعۡ بِهِمۡ وَأَبۡصِرۡ يَوۡمَ يَأۡتُونَنَاۖ لَٰكِنِ ٱلظَّٰلِمُونَ ٱلۡيَوۡمَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ﴿٣٨﴾

"Alangkah tajamnya pendengaran mereka dan alangkah terangnya penglihatan mereka pada hari mereka datang menemui Kami, tetapi pada hari ini orang-orang yang zalim berada di dalam kesesatan yang amat nyata."(38)

Alangkah ganjilnya keadaan mereka! Mereka tidak mahu mendengar dan melihat ketika pendengaran dan penglihatan boleh menjadi alat untuk mendapatkan hidayat dan keselamatan, tetapi mereka menjadi orang-orang yang paling tajam pendengaran dan penglihatannya pada hari Qiamat ketika pendengaran dan penglihatan telah menjadi alat penghinaan untuk diperdengarkan kepada mereka suara 'azab yang dibenci mereka dan untuk diperlihatkan kepada mereka pemandangan yang ditakuti mereka pada hari yang amat besar itu.

وَأَنذِرۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡحَسۡرَةِ

"Dan ingatkan mereka tentang hari penyesalan"(39)

iaitu suatu hari, di mana penyesalan dirasa begitu hebat seolah-olah pada hari itu tiada sesuatu yang lain dari penyesalan. Pada hari itu penyesalan menguasai seluruh suasananya dan penyesalan merupakan perasaan yang paling menonjol di waktu ini. Ingatkan mereka tentang hati ini, di mana penyesalan-penyesalan tidak berguna lagi:

إِذۡ قُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ وَهُمۡ فِي غَفۡلَةٖ وَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٣٩﴾

"Iaitu ketika segala urusan (pengadilan) telah diputuskan, sedangkan mereka berada di dalam kelalaian dan tidak beriman."(39)

Seolah-olah hari itu dihubungkan dengan kekafiran dan kelalaian mereka.

Ingatkanlah mereka tentang hari itu. Ia tidak syak lagi akan tiba dan pada hari ketibaannya segala isi bumi dan sekalian penghuninya akan pulang kepada Allah seperti pulangnya segala warisan kepada pewarisnya yang tunggal:

إِنَّا نَحۡنُ نَرِثُ ٱلۡأَرۡضَ وَمَنۡ عَلَيۡهَا وَإِلَيۡنَا يُرۡجَعُونَ ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya Kamilah yang mewarisi bumi dan para penghuninya dan kepada Kamilah mereka dikembalikan."(40)

(Kumpulan ayat-ayat 41 - 65)

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِبۡرَٰهِيمَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقٗا نَّبِيًّا ﴿٤١﴾ إِذۡ قَالَ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ لِمَ تَعۡبُدُ مَا لَا يَسۡمَعُ وَلَا يُبۡصِرُ وَلَا يُغۡنِي عَنكَ شَيۡـٔٗا ﴿٤٢﴾ يَٰٓأَبَتِ إِنِّي قَدۡ جَآءَنِي مِنَ ٱلۡعِلۡمِ مَا لَمۡ يَأۡتِكَ فَٱتَّبِعۡنِيٓ أَهۡدِكَ صِرَٰطٗا سَوِيّٗا ﴿٤٣﴾ يَٰٓأَبَتِ لَا تَعۡبُدِ ٱلشَّيۡطَٰنَۖ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ كَانَ لِلرَّحۡمَٰنِ عَصِيّٗا ﴿٤٤﴾ يَٰٓأَبَتِ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يَمَسَّكَ عَذَابٞ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ فَتَكُونَ لِلشَّيۡطَٰنِ وَلِيّٗا ﴿٤٥﴾ قَالَ أَرَاغِبٌ أَنتَ عَنۡ ءَالِهَتِي يَٰٓإِبۡرَٰهِيمُۖ لَئِن لَّمۡ تَنتَهِ لَأَرۡجُمَنَّكَۖ وَٱهۡجُرۡنِي مَلِيّٗا ﴿٤٦﴾ قَالَ سَلَٰمٌ عَلَيۡكَۖ سَأَسۡتَغۡفِرُ لَكَ رَبِّيٓۖ إِنَّهُۥ كَانَ بِي حَفِيّٗا ﴿٤٧﴾ وَأَعۡتَزِلُكُمۡ وَمَا تَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَأَدۡعُواْ رَبِّي عَسَىٰٓ أَلَّآ أَكُونَ بِدُعَآءِ رَبِّي شَقِيّٗا ﴿٤٨﴾ فَلَمَّا ٱعۡتَزَلَهُمۡ وَمَا يَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَهَبۡنَا لَهُۥٓ

إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ ۖ وَكُلًّا جَعَلْنَا نَبِيًّا ﴿٤٩﴾

وَوَهَبْنَا لَهُم مِّن رَّحْمَتِنَا وَجَعَلْنَا لَهُمْ لِسَانَ صِدْقٍ عَلِيًّا ﴿٥٠﴾

وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ مُوسَىٰٓ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ مُخْلَصًا وَكَانَ رَسُولًا نَّبِيًّا ﴿٥١﴾

وَنَٰدَيْنَٰهُ مِن جَانِبِ ٱلطُّورِ ٱلْأَيْمَنِ وَقَرَّبْنَٰهُ نَجِيًّا ﴿٥٢﴾

وَوَهَبْنَا لَهُۥ مِن رَّحْمَتِنَآ أَخَاهُ هَٰرُونَ نَبِيًّا ﴿٥٣﴾

"Dan sebutkanlah cerita Ibrahim di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia adalah seorang yang amat benar dan seorang Nabi(41). Ketika dia berkata kepada bapanya: Wahai ayahandaku! Mengapa ayahanda menyembah sesuatu yang tidak dapat mendengar, tidak pula dapat melihat dan tidak juga dapat memberi apa-apa pertolongan kepada ayahanda?(42) Wahai ayahandaku! Sesungguhnya anakanda telah didatangi ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepada ayahanda. Oleh itu ikutlah anakanda nescaya anakanda dapat menunjukkan kepada ayahanda satu jalan yang lurus(43). Wahai ayahanda! Janganlah ayahanda menyembah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah penderhaka Allah Yang Maha Penyayang (44). Wahai ayahandaku! Anakanda takut ayahanda akan ditimpa 'azab Allah Yang Maha Penyayang menyebabkan ayahanda akan menjadi kawan syaitan(45). Jawab bapanya: Wahai Ibrahim! Apakah engkau membencikan tuhan-tuhanku? Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya aku akan rejamkan engkau, dan tinggalkanlah aku sepanjang masa(46). Ujar Ibrahim: Semoga dilimpah kan kesejahteraan ke atas ayahanda. Dan anakanda akan memohon kepada Tuhan anakanda supaya mengampun kan ayahanda. Sesungguhnya Dia amat mengambil berat terhadap anakanda(47). Dan anakanda akan menjauhkan diri dari ayahanda dan dari sembahan-sembahan yang disembah ayahanda selain dari Allah dan anakanda akan berdo'a kepada Tuhan anakanda semoga anakanda tidak akan kecewa dengan berdo'a kepada Tuhan anakanda (48). Dan setelah Ibrahim menjauhkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka Kami telah menganugerahkan kepadanya Ishaq dan Ya'kub dan kedua-duanya Kami telah angkatkan menjadi Nabi(49). Dan Kami telah kurniakan kepada mereka sebahagian dari rahmat Kami dan Kami jadikan untuk mereka darjat kemasyhuran bercakap benar yang tinggi(50). Dan sebutkanlah cerita Musa di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia seorang yang terpilih, juga seorang rasul dan Nabi(51). Dan Kami telah menyerunya di sebelah kanan Bukit Tur dan Kami perdekatkannya kepada Kami ketika berbicara dengannya (52). Dan Kami telah menganugerahkan kepadanya sebahagian dari rahmat Kami dengan melantikkan saudaranya Harun menjadi seorang Nabi"(53).

وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ إِسْمَٰعِيلَ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ صَادِقَ ٱلْوَعْدِ وَكَانَ رَسُولًا نَّبِيًّا ﴿٥٤﴾

وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُۥ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ وَكَانَ عِندَ رَبِّهِۦ مَرْضِيًّا ﴿٥٥﴾

وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ إِدْرِيسَ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقًا نَّبِيًّا ﴿٥٦﴾

وَرَفَعْنَٰهُ مَكَانًا عَلِيًّا ﴿٥٧﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّۦنَ مِن ذُرِّيَّةِ ءَادَمَ وَمِمَّنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ وَمِن ذُرِّيَّةِ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْرَٰٓءِيلَ وَمِمَّنْ هَدَيْنَا وَٱجْتَبَيْنَآ ۚ إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُ ٱلرَّحْمَٰنِ خَرُّوا۟ سُجَّدًا وَبُكِيًّا ﴿٥٨﴾

فَخَلَفَ مِنۢ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّبَعُوا۟ ٱلشَّهَوَٰتِ ۖ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غَيًّا ﴿٥٩﴾

إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ شَيْـًٔا ﴿٦٠﴾

جَنَّٰتِ عَدْنٍ ٱلَّتِى وَعَدَ ٱلرَّحْمَٰنُ عِبَادَهُۥ بِٱلْغَيْبِ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ وَعْدُهُۥ مَأْتِيًّا ﴿٦١﴾

لَّا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا إِلَّا سَلَٰمًا ۖ وَلَهُمْ رِزْقُهُمْ فِيهَا بُكْرَةً وَعَشِيًّا ﴿٦٢﴾

تِلْكَ ٱلْجَنَّةُ ٱلَّتِى نُورِثُ مِنْ عِبَادِنَا مَن كَانَ تَقِيًّا ﴿٦٣﴾

وَمَا نَتَنَزَّلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ ۖ لَهُۥ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا وَمَا بَيْنَ ذَٰلِكَ ۚ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾

رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ هَلْ تَعْلَمُ لَهُۥ سَمِيًّا ﴿٦٥﴾

"Dan sebutkanlah cerita Ismail di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia seorang yang amat benar janjinya, juga seorang rasul dan Nabi(54). Dan dia menyuruh ahlinya menunaikan solat dan zakat dan dia seorang yang amat diredhai di sisi Tuhannya(55). Dan sebutkanlah cerita Idris di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia adalah seorang yang amat benar dan seorang Nabi(56). Dan Kami telah mengangkatkannya ke martabat yang amat tinggi(57). Merekalah orang-orang yang telah dikurniakan Allah ni'mat yang terdiri dari para nabi dari zuriat Adam dan orang-orang yang telah Kami angkut (dalam bahtera) bersama Nuh, juga dari zuriat Ibrahim dan Israel (Ya'kub) dari orang-orang yang telah Kami kurniakan hidayat dan dari zuriat orang-orang yang telah dihidayat dan dipilihkan Kami, apabila dibacakan

kepada mereka ayat-ayat Allah Yang Maha Penyayang, mereka terus merebahkan diri sujud dan menangis(58). Kemudian datanglah selepas mereka generasi pengganti yang mengabaikan solat dan mengikut hawa nafsu dan mereka akan menemui kesesatan(59). Kecuali mereka yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka mereka akan memasuki Syurga dan tidak akan dikurangi sedikitpun(60). Iaitu Syurga-syurga 'Adni yang telah dijanjikan Allah Yang Maha Penyayang kepada para hamba-Nya tanpa melihatnya. Sesungguhnya janji Allah itu tetap akan ditepati(61). Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang sesia kecuali ucapan-ucapan selamat, dan di sana mereka akan memperolehi rezeki pagi dan petang(62). Itulah Syurga yang Kami akan wariskan kepada orang yang bertaqwa dari para hamba Kami(63). Dan kami (Jibril) tidak turun kecuali dengan perintah Tuhanmu. Dialah yang memiliki segala apa yang ada di hadapan kami dan segala apa yang ada di belakang kami dan segala apa yang ada di antara keduanya. Dan Tuhanmu tiada sekali-kali lupa(64). Dialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan segala apa yang ada di antara keduanya. Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepada-Nya. Apakah engkau pernah mengetahui siapa yang sama (setanding) dengannya?(65)

Kisah kelahiran 'Isa a.s. telah berakhir dengan mendedahkan dongeng anak Allah yang karut, dusta dan sesat itu. Dongeng inilah yang telah dijadikan asas tanggapan oleh setengah-setengah Ahlil-Kitab dalam 'aqidah-'aqidah mereka yang rosak. Kemudian kisah ini diiringi pula dengan sebabak kisah Ibrahim yang juga turut mendedahkan kepercayaan syirik yang karut, dusta dan sesat. Ibrahim a.s. itulah yang menjadi moyang keturunan orang-orang Arab. Kaum Musyrikin Makkah telah mendakwa merekalah penjaga Baitullah yang dibina oleh Ibrahim dan anaknya Ismail.

Dalam babak kisah ini Ibrahim a.s. nampak jelas mempunyai syakhsiyah yang penyayang, penyabar dan lemah-lembut. Sifat-sifatnya yang sabar dan lemah-lembut itu dapat dilihat dengan jelas pada tutur kata beliau yang diterjemahkan oleh Al-Qur'anul-Karim dengan bahasa Arab, juga pada tindak-tanduk dan cara-cara beliau menghadapi kejahilan bapanya. Dan di sini juga nampak jelas betapa limpahnya rahmat Allah ke atas beliau dan bagaimana Allah memberi ganti rugi kepada beliau yang kehilangan bapa dan keluarga yang Musyrikin itu dengan satu zuriat yang soleh yang melahirkan satu umat yang besar, di mana munculnya para nabi-Nabi dan orang-orang yang soleh. Dan selepas itu mereka digantikan oleh generasi-generasi selepas mereka yang meninggalkan solat, mengikut hawa nafsu dan menyeleweng dari jalan yang telah dirintiskan oleh moyang mereka Ibrahim a.s. Mereka ialah kaum Musyrikin.

Allah telah menyifatkan Ibrahim sebagai seorang yang amat berani dan seorang rasul. Kata-kata "siddiq" membawa erti seorang yang amat benar dan amat membenarkan (pengajaran yang benar) dan kedua-duanya sesuai dengan syakhsiyah Ibrahim:

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 50)

Dialog Sedih Di Antara Ibrahim Dan Bapanya

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِبۡرَٰهِيمَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقٗا نَّبِيًّا ٤١

إِذۡ قَالَ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ لِمَ تَعۡبُدُ مَا لَا يَسۡمَعُ وَلَا يُبۡصِرُ وَلَا يُغۡنِي عَنكَ شَيۡـٔٗا ٤٢

يَٰٓأَبَتِ إِنِّي قَدۡ جَآءَنِي مِنَ ٱلۡعِلۡمِ مَا لَمۡ يَأۡتِكَ فَٱتَّبِعۡنِيٓ أَهۡدِكَ صِرَٰطٗا سَوِيّٗا ٤٣

يَٰٓأَبَتِ لَا تَعۡبُدِ ٱلشَّيۡطَٰنَۖ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ كَانَ لِلرَّحۡمَٰنِ عَصِيّٗا ٤٤

يَٰٓأَبَتِ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يَمَسَّكَ عَذَابٞ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ فَتَكُونَ لِلشَّيۡطَٰنِ وَلِيّٗا ٤٥

"Dan sebutkanlah cerita Ibrahim di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia adalah seorang yang amat benar dan seorang Nabi(41). Ketika dia berkata kepada bapanya: Wahai ayahandaku! Mengapa ayahanda menyembah sesuatu yang tidak dapat mendengar dan tidak pula dapat melihat dan tidak juga dapat memberi apa-apa pertolongan kepada ayahanda?(42) Wahai ayahandaku! Sesungguhnya anakanda telah didatangi ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepada ayahanda. Oleh itu ikutlah anakanda nescaya anakanda dapat menunjukkan kepada ayahanda satu jalan yang lurus(43). Wahai ayahanda! Janganlah ayahanda menyembah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah penderhaka Allah Yang Maha Penyayang (44). Wahai ayahandaku! Anakanda takut ayahanda akan ditimpa 'azab Allah Yang Maha Penyayang menyebabkan ayahanda akan menjadi kawan syaitan."(45)

Dengan kata-kata yang lemah-lembut inilah Ibrahim berbicara dengan bapanya. Beliau berusaha dengan sungguh-sungguh untuk membawa bapanya kepada kebaikan yang telah ditunjuk dan diajarkan Allah kepada beliau. Beliau bercakap dengannya dengan bahasa yang mesra: ((يَٰٓأَبَتِ)) - "*Wahai ayahandaku!*", dan bertanya kepadanya:

لِمَ تَعۡبُدُ مَا لَا يَسۡمَعُ وَلَا يُبۡصِرُ وَلَا يُغۡنِي عَنكَ شَيۡـٔٗا ٤٢

"Mengapa ayahanda menyembah sesuatu yang tidak dapat mendengar, tidak pula dapat melihat dan tidak juga dapat memberi apa-apa pertolongan kepada ayahanda?"(42)

Yang menjadi pokok pangkal ibadat yang benar ialah manusia seharusnya menyembah zat yang lebih tinggi, lebih mengetahui dan lebih kuat dari manusia, dan mereka seharusnya meningkatkan ibadat mereka kepada maqam yang lebih mulia dan tinggi dari maqam manusia. Oleh itu bagaimana bapanya boleh beribadat kepada zat yang lebih rendah dari manusia, malah lebih rendah dari martabat haiwan yang paling

rendah, iaitu zat yang tidak dapat mendengar dan melihat dan tidak berupaya memberi mudharat dan manfaat, kerana bapa beliau dan kaumnya di waktu itu menyembah berhala-berhala sama seperti kaum Quraisy yang dicabar oleh Islam.

Inilah sentuhan pertama yang dimulakan Ibrahim untuk berda'wah kepada bapanya, kemudian beliau iringi pula dengan menyatakan kepada bapanya bahawa apa yang dikatakan beliau itu bukannya dari fikirannya sendiri, malah dari ilmu yang dikurniakan Allah kepadanya. Walaupun beliau jauh lebih muda dari segi usia dan jauh lebih sedikit dari segi pengalaman, namun bekalan-bekalan ilmu dari Allah telah menjadikan beliau dapat memahami dan mengenal kebenaran. Justeru itu beliau menasihatkan bapanya yang tidak mendapat ilmu itu supaya mengikuti jalan yang telah ditunjukkan Allah kepadanya:

يَٰٓأَبَتِ إِنِّي قَدۡ جَآءَنِي مِنَ ٱلۡعِلۡمِ مَا لَمۡ يَأۡتِكَ فَٱتَّبِعۡنِيٓ أَهۡدِكَ صِرَٰطٗا سَوِيّٗا ﴿٤٣﴾

"Wahai ayahandaku! Sesungguhnya anakanda telah didatangi ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepada ayahanda. Oleh itu ikutlah anakanda nescaya anakanda dapat menunjukkan kepada ayahanda satu jalan yang lurus."(43)

Sebenarnya tiada apa-apa keaiban bagi seorang bapa mengikuti anaknya jika si anak itu mempunyai hubungan dengan sumber yang lebih tinggi kerana dengan ikutan itu bererti ia mengikut sumber itu sendiri dan berjalan di jalan hidayat yang benar.

Selepas menjelaskan kekarutan beribadat kepada berhala dan menerangkan sumber yang diambil dan dipegang oleh beliau dalam berda'wah kepada bapanya, beliau menerangkan pula bahawa jalan yang diikuti bapanya ialah jalan syaitan, sedangkan beliau mahu membimbingnya ke jalan Allah Yang Maha Penyayang dan beliau takut bapanya dimurkai Allah dan membuat keputusan menjadikannya dari golongan pengikut-pengikut syaitan:

يَٰٓأَبَتِ لَا تَعۡبُدِ ٱلشَّيۡطَٰنَۖ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ كَانَ لِلرَّحۡمَٰنِ عَصِيّٗا ﴿٤٤﴾

يَٰٓأَبَتِ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يَمَسَّكَ عَذَابٞ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ فَتَكُونَ لِلشَّيۡطَٰنِ وَلِيّٗا ﴿٤٥﴾

"Wahai ayahanda! Janganlah ayahanda menyembah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah penderhaka Allah Yang Maha Penyayang(44). Wahai ayahandaku! Anakanda takut ayahanda akan ditimpa 'azab Allah Yang Maha Penyayang menyebabkan ayahanda akan menjadi kawan syaitan."(45)

Syaitanlah yang menghasut manusia menyembah berhala-berhala selain dari Allah. Oleh itu sesiapa yang menyembah berhala-berhala bererti ia menyembah syaitan, sedangkan syaitan adalah penderhaka kepada Allah Yang Maha Penyayang. Di sini Ibrahim mengingatkan bapanya dari dimurkai Allah kerana akibatnya Allah akan menjadikannya seorang sahabat dan pengikut syaitan. Oleh itu hidayat Allah yang membimbing hamba-Nya kepada keta'atan merupakan ni'mat, dan keputusan Allah menjadikan seseorang itu dari golongan sahabat-sahabat syaitan merupakan kemurkaan, iaitu kemurkaan yang akan membawanya kepada keazaban yang paling, dahsyat dan kerugian yang paling besar pada hari dijalankan upacara hisab kelak.

Tetapi seruan yang lemah-lembut dengan menggunakan kata-kata yang amat mesra dan halus itu tidak dapat menembusi hati Musyrik yang keras itu, malah bapa Ibrahim telah membalasnya dengan kecaman, ugutan dan ancaman.

قَالَ أَرَاغِبٌ أَنتَ عَنۡ ءَالِهَتِي يَٰٓإِبۡرَٰهِيمُۖ لَئِن لَّمۡ تَنتَهِ لَأَرۡجُمَنَّكَۖ وَٱهۡجُرۡنِي مَلِيّٗا ﴿٤٦﴾

"Jawab bapanya: Wahai Ibrahim! Apakah engkau membencikan tuhan-tuhanku? Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya aku akan rejamkan engkau dan tinggalkanlah aku sepanjang masa."(46)

Yakni apakah engkau begitu benci terhadap tuhan-tuhanku dan begitu jijik untuk beribadat kepadanya dan begitu bersungguh-sungguh untuk berpaling darinya? Atau apakah keberanianmu sampai kepada tahap ini? Inilah amaran maut yang dahsyat untukmu jika engkau mahu berdegil di atas sikap yang keji ini:

لَئِن لَّمۡ تَنتَهِ لَأَرۡجُمَنَّكَۖ

"Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya aku akan rejamkan engkau"(46)

berambuslah engkau dari aku dan jauhilah dari aku sepanjang masa untuk menyelamatkan nyawamu jika engkau mahu selamat:

وَٱهۡجُرۡنِي مَلِيّٗا ﴿٤٦﴾

"Dan tinggalkanlah aku sepanjang masa."(46)

Dengan sikap jahil seperti inilah orang tua ini menerima da'wah Ibrahim dan dengan cara yang kasar ini dia menjawab kata-kata Ibrahim yang sopan santun itu. Itulah keadaan keimanan yang berdepan kekufuran, dan itulah keadaan hati yang telah digilapkan keimanan dan keadaan hati yang telah dirosakkan kekufuran.

Namun begitu Ibrahim yang penyabar itu tidak marah. Beliau tidak bertindak menghapuskan kebaktian, kemesraan dan adab sopannya yang baik terhadap orang tuanya itu:

قَالَ سَلَٰمٌ عَلَيۡكَۖ سَأَسۡتَغۡفِرُ لَكَ رَبِّيٓۖ إِنَّهُۥ كَانَ بِي حَفِيّٗا ﴿٤٧﴾

وَأَعۡتَزِلُكُمۡ وَمَا تَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَأَدۡعُواْ رَبِّي عَسَىٰٓ أَلَّآ أَكُونَ بِدُعَآءِ رَبِّي شَقِيّٗا ﴿٤٨﴾

"Ujar Ibrahim: Semoga dilimpahkan kesejahteraan ke atas ayahanda. Dan anakanda akan memohon kepada Tuhan anakanda supaya mengampunkan ayahanda. Sesungguhnya Dia amat mengambil berat terhadap anakanda(47). Dan anakanda akan menjauhkan diri dari ayahanda dan dari sembahan-sembahan yang disembah ayahanda selain dari Allah dan anakanda akan berdo'a kepada Tuhan anakanda semoga anakanda tidak akan kecewa dengan berdo'a kepada Tuhan anakanda."(48)

Selamat sejahtera ke atas ayahanda, ayahanda tidak perlu berdebat, tidak perlu melakukan perbuatan yang menyakiti, tidak perlu membalas dengan ugutan dan ancaman, anakanda akan memohon kepada Allah supaya memberi keampunan kepada ayahanda dan supaya tidak membalas ayahanda dengan membiarkan ayahanda terus hayut di dalam kesesatan dan menjadi sahabat syaitan, malah supaya Allah melimpahkan rahmat ke atas ayahanda dengan memberi hidayat kepada ayahanda, kerana biasanya Tuhan anakanda itu sentiasa bersikap murah dan sentiasa memperkenankan permohonan-permohonan anakanda. Dan andainya kewujudan anakanda di samping ayahanda dan andainya da'wah anakanda kepada ayahanda supaya beriman itu menyakitkan hati ayahanda, maka anakanda akan mengasingkan diri dari ayahanda dan kaum ayahanda, begitu juga anakanda akan menjauhkan diri dari sembahan-sembahan yang disembahkan ayahanda dan kaum ayahanda, dan anakanda akan tetap bertuhankan Allah Tuhan Yang Maha Esa dengan harapan supaya Allah tidak akan menghampakan do'a anakanda.

Apa yang diharap-harapkan Ibrahim ialah supaya Allah jauhkannya dari kehampaan: Itulah adab sopan Ibrahim. Dia sama sekali tidak melihat dirinya mempunyai sesuatu kelebihan, dan dia tidak menaruh harapan yang lebih banyak terhindar dari kehampaan.

Demikianlah Ibrahim a.s. mengasingkan diri dari bapanya dan kaumnya, juga menjauhkan diri dari cara-cara ibadat mereka dan tuhan-tuhan sembahan mereka. Beliau telah berhijrah meninggalkan keluarganya dan kampung halamannya, tetapi Allah tidak membiarkannya hidup sebatang karah, malah Allah mengurniakan kepada beliau satu zuriat yang lain dan satu papasan yang lebih baik:

فَلَمَّا ٱعۡتَزَلَهُمۡ وَمَا يَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَهَبۡنَا لَهُۥٓ إِسۡحَٰقَ وَيَعۡقُوبَۖ وَكُلّٗا جَعَلۡنَا نَبِيّٗا ﴿٤٩﴾ وَوَهَبۡنَا لَهُم مِّن رَّحۡمَتِنَا وَجَعَلۡنَا لَهُمۡ لِسَانَ صِدۡقٍ عَلِيّٗا ﴿٥٠﴾

"Dan setelah Ibrahim menjauhkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka Kami telah menganugerahkan kepadanya Ishaq dan Ya'kub dan kedua-duanya Kami telah angkatkan menjadi Nabi(49). Dan Kami telah kurniakan kepada mereka sebahagian dari rahmat Kami dan Kami jadikan untuk mereka darjat kemasyhuran bercakap benar yang tinggi."(50)

Ishaq ialah anak Ibrahim dari isterinya Sarah dan sebelum ini dia seorang isteri yang mandul. Dan Ya'kub pula ialah anak Ishaq, tetapi beliau dikira sebagai anak Ibrahim kerana Ya'kub lahir dalam masa hayat datuknya (Ibrahim). Beliau dibesarkan di rumah dan di atas riba Ibrahim kerana itu Ya'kub merupakan seolah-olah anak Ibrahim sendiri secara langsung. Ya'kub telah mempelajari agama datuknya Ibrahim dan mengajarkannya pula kepada anak-anak beliau dan beliau juga seorang Nabi seperti ayahnya Ishaq.

وَوَهَبۡنَا لَهُم مِّن رَّحۡمَتِنَا

"Dan Kami telah kurniakan kepada mereka sebahagian dari rahmat Kami"(50)

yakni kepada Ibrahim; Ishaq, Ya'kub dan keturunan mereka. Di sini disebutkan kata-kata "*rahmat*" kerana rahmatlah yang menjadi satu ciri yang menonjol di dalam suasana surah ini dan kerana rahmatlah merupakan limpah kurnia Allah sebagai pampasan kepada Ibrahim yang telah kehilangan keluarga dan kampung halamannya, juga sebagai pemberian untuk menemani beliau yang hidup sebatang kara dan terpencil.

وَجَعَلۡنَا لَهُمۡ لِسَانَ صِدۡقٍ عَلِيّٗا ﴿٥٠﴾

"Dan Kami jadikan untuk mereka darjat kemasyhuran bercakap benar yang tinggi."(50)

Yakni mereka adalah amat bersikap benar di dalam da'wah-da'wah mereka. Kata-kata mereka dihormati dan dijunjung dengan penuh patuh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 57)

Kemudian ayat-ayat berikut terus menceritakan tentang zuriat Ibrahim dengan selingan menyebut kisah zuriat Ishaq iaitu Musa dan Harun.

Kelebihan Nabi Musa a.s.

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ مُوسَىٰٓۚ إِنَّهُۥ كَانَ مُخۡلَصٗا وَكَانَ رَسُولٗا نَّبِيّٗا ﴿٥١﴾ وَنَٰدَيۡنَٰهُ مِن جَانِبِ ٱلطُّورِ ٱلۡأَيۡمَنِ وَقَرَّبۡنَٰهُ نَجِيّٗا ﴿٥٢﴾ وَوَهَبۡنَا لَهُۥ مِن رَّحۡمَتِنَآ أَخَاهُ هَٰرُونَ نَبِيّٗا ﴿٥٣﴾

"Dan sebutkanlah cerita Musa di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia seorang yang terpilih, juga seorang rasul dan Nabi(51). Dan Kami telah menyerunya di sebelah kanan

Bukit Tur dan Kami perdekatkannya kepada Kami ketika berbicara dengannya(52). Dan Kami telah menganugerahkan kepadanya sebahagian dari rahmat Kami dengan melantikkan saudaranya Harun menjadi seorang Nabi."(53)

Ayat ini menyifatkan Musa sebagai seorang yang telah dipilih Allah untuk mengembangkan da'wah-Nya. Beliau adalah seorang rasul dan Nabi. Rasul ialah pembawa da'wah dari para nabi yang ditugas menyampaikannya kepada manusia, sedangkan Nabi tidak ditugaskan menyampaikan da'wah kepada manusia, malah dia sendiri merupakan pendokong 'aqidah yang diterima dari Allah. Di kalangan Bani Israel terhadap ramai para Anbia' yang bertugas melaksanakan da'wah Musa dan menghukum dengan berlandaskan kitab Taurat yang dibawa beliau dari Allah:

يَحْكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسْلَمُوا۟ لِلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ بِمَا ٱسْتُحْفِظُوا۟ مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ عَلَيْهِ شُهَدَآءَ

"Dengan kitab Taurat para Anbia' yang patuh kepada Allah menetapkan hukum-hukum kepada orang-orang Yahudi, para Rabbani dan pendita-pendita kerana mereka telah diamanahkan menjaga kitab-kitab Allah dan mereka sekalian merupakan para saksi-Nya."

(Surah al-Ma'idah: 44)

Ayat tadi juga menerangkan kelebihan Musa yang telah diserukan Allah di sebelah kanan Bukit Tur (kanan di sini dinisbahkan kepada kedudukan Musa pada masa itu) dan beliau telah diperdekatkan kepada Allah untuk berbicara secara dekat dalam bentuk munajat. Kita tidak mengetahui bagaimana berlangsungnya percakapan itu dan bagaimana Musa memahaminya, adakah ia berupa suara yang dapat didengar telinga Musa atau ia hanya diterima oleh seluruh jiwanya. Kita juga tidak mengetahui bagaimana Allah menyediakan jiwa Musa untuk menerima Kalamullah yang azali itu. Kita hanya percaya bahawa percakapan itu telah berlaku dan amatlah mudah kepada Allah untuk menyampaikan kalam-Nya kepada mana-mana makhluk-Nya dengan apa cara sahaja, di mana makhluk itu tetap dengan sifat-sifat kemanusiaannya dan Kalamullah yang luhur itu tetap dengan sifat keluhuran dan ketinggiannya. Dan sebelum ini manusia telah menjadi manusia dengan tiupan roh dari ciptaan Allah.

Ayat tadi juga menyebut rahmat Allah terhadap Musa dalam bentuk pertolongan-Nya mengirim saudaranya Harun sebagai pembantunya apabila beliau memohon kepada Allah supaya membantu beliau dengan Harun:

وَأَخِى هَٰرُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّى لِسَانًا فَأَرْسِلْهُ مَعِىَ رِدْءًا يُصَدِّقُنِىٓ إِنِّىٓ أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿٣٤﴾

"Dan saudaraku Harun, dia adalah lebih fasih lidahnya dariku. Oleh itu utuskannya bersamaku sebagai penyokong yang membenarkanku. Sesungguhnya aku bimbang mereka akan mendustakanku."

(Surah al-Qasas: 34)

Bayangan rahmat memayungi suasana seluruh surah ini. Kemudian ayat-ayat berikut kembali memperkatakan tentang satu lagi anak dari zuriat Ibrahim. Di sini ia menyebut Ismail moyang bangsa Arab:

Kelebihan Nabi Ismail a.s.

وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ إِسْمَٰعِيلَ إِنَّهُۥ كَانَ صَادِقَ ٱلْوَعْدِ وَكَانَ رَسُولًا نَّبِيًّا ﴿٥٤﴾ وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُۥ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ وَكَانَ عِندَ رَبِّهِۦ مَرْضِيًّا ﴿٥٥﴾

"Dan sebutkanlah cerita Ismail di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia seorang yang amat benar janjinya, juga seorang rasul dan Nabi(54). Dan dia menyuruh ahlinya menunaikan solat dan zakat dan dia adalah seorang yang amat diredhai di sisi Tuhannya."(55)

Ia menyatakan di antara sifat-sifat Ismail ialah beliau seorang yang tepat menunaikan janjinya, dan sifat menepati janji itu memanglah menjadi sifat setiap Nabi dan setiap orang yang soleh. Oleh itu sudah tentu sifat ini amat menonjol pada Ismail hingga ke tahap yang memerlukan sifat itu ditonjol dan disanjungi secara istimewa.

Ismail juga seorang rasul dan sudah tentu beliau membawa da'wah kepada orang-orang Arab yang pertama kerana beliaulah moyang mereka yang tertua. Di kalangan orang-orang Arab memang terdapat individu-individu yang berpegang dengan 'aqidah tauhid tidak lama menjelang sebelum kedatangan agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Menurut pendapat yang lebih rajih, individu-individu tersebut merupakan saki-baki golongan yang berpegang dengan 'aqidah tauhid dari pengikut-pengikut Ismail. Ayat ini juga menyebut sebahagian dari rukun-rukun 'aqidah yang dibawa oleh beliau iaitu ibadat solat dan zakat. Beliau sentiasa menyuruh keluarganya mematuhi kedua-dua ibadat itu. Kemudian ayat ini menyebut bahawa beliau mempunyai kedudukan yang amat diredhai di sisi Allah. Keredhaan Ilahi juga merupakan salah satu dari ciri-ciri surah ini yang menonjol dalam seluruh suasananya. Ia adalah sama dengan ciri rahmat kerana di antara keduanya terdapat hubungan yang amat dekat.

Pada akhirnya ayat-ayat berikut menyentuh secara ringkas kisah Nabi Idris a.s:

Kelebihan Nabi Idris a.s.

وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ إِدْرِيسَ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقًا نَّبِيًّا ﴿٥٦﴾

وَرَفَعْنَٰهُ مَكَانًا عَلِيًّا ﴿٥٧﴾

"Dan sebutkanlah cerita Idris di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia adalah seorang yang amat benar dan seorang Nabi(56). Dan Kami telah mengangkatkannya ke martabat yang amat tinggi."(57)

Kita tidak dapat menentukan bilakah zaman Nabi Idris a.s. itu, tetapi menurut riwayat yang lebih rajih, beliau adalah dibangkit sebelum Nabi Ibrahim a.s. dan beliau bukanlah dari para Anbia' Bani Israel. Oleh sebab itulah nama beliau tidak disebut di dalam kitab-kitab mereka. Al-Qur'an menyifatkan beliau sebagai seorang yang amat benar dan menyatakan bahawa Allah telah mengangkatkan beliau ke martabat yang tinggi. Allah telah mengangkatkan darjatnya dan memasyhurkan namanya.

Di sana ada satu pendapat yang kami ingin sebutkan di sini untuk makluman semata-mata, kami tidak membenarkannya dan tidak pula menafikannya, iaitu setengah-setengah pengkaji kesan-kesan purba Mesir mengatakan bahawa kata-kata Idris itu adalah di Arabkan dari kata-kata Oziris dari bahasa Mesir tua sebagaimana kata-kata Yahya telah di Arabkan dari kata-kata Yuhana dan kata-kata Alyasa' telah di Arabkan dari kata-kata Ilyasya'. Di sana terdapat berbagai-bagai dongeng di sekitar Oziris itu. Mereka mempercayai bahawa beliau telah naik ke langit dan di sana ada sebuah singgahsana yang agung untuknya. Setiap orang yang ditimbangkan amalan-amalannya selepas mati dan didapati amalan-amalan baiknya melebihi amalan-amalan jahatnya, maka dia akan dibawa kepada Oziris yang disembahkan mereka. Oziris telah mengajar mereka berbagai-bagai ilmu pengetahuan sebelum beliau naik ke langit.

Walau bagaimanapun kita hanya memada sekadar keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh Al-Qur'an sahaja, dan dapatlah kita tarjihkan bahawa Nabi Idris a.s. itu adalah dibangkit sebelum para Anbia' Bani Israel.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 63)

Tujuan Al-Qur'an menceritakan kisah-kisah para Anbia' itu ialah untuk membandingkan di antara angkatan para Mu'minin yang bertaqwa itu dengan generasi-generasi yang telah ditinggalkan mereka sama ada dari kaum Musyrikin Arab atau dari kaum Musyrikin Bani Israel. Di sana terdapat perbezaan yang amat menjolok, jarak di antara kedua-dua angkatan itu amat jauh dan jurang di antara keduanya amat dalam. Perbezaan begitu jauh di antara angkatan dahulu dengan angkatan kemudian.

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ النَّبِيِّينَ مِن ذُرِّيَّةِ آدَمَ وَمِمَّنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ وَمِن ذُرِّيَّةِ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْرَائِيلَ وَمِمَّنْ هَدَيْنَا وَاجْتَبَيْنَا ۚ إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُ الرَّحْمَٰنِ خَرُّوا سُجَّدًا وَبُكِيًّا ﴿٥٨﴾

فَخَلَفَ مِن بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهَوَاتِ ۖ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غَيًّا ﴿٥٩﴾

"Merekalah orang-orang yang telah dikurniakan Allah ni'mat yang terdiri dari para nabi dari zuriat Adam dan orang-orang yang telah Kami angkut (dalam bahtera) bersama Nuh, juga dari zuriat Ibrahim dan Israel (Ya'kub) dari orang-orang yang telah Kami kurniakan hidayat dan dari zuriat orang-orang yang telah dihidayat dan dipilihkan Kami, apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah Yang Maha Penyayang mereka terus merebahkan diri sujud dan menangis(58). Kemudian datanglah selepas mereka generasi pengganti, yang mengabaikan solat dan mengikut hawa nafsu, dan mereka akan menemui kesesatan."(59)

Dalam penceritaan kisah-kisah ini Al-Qur'an hanya menyebut ciri-ciri yang terpenting sahaja di dalam lembaran riwayat hidup para nabi di dalam sejarah manusia, iaitu para nabi dari:

مِن ذُرِّيَّةِ آدَمَ وَمِمَّنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ وَمِن ذُرِّيَّةِ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْرَائِيلَ

"Dari zuriat Adam dan orang-orang yang telah Kami angkut (dalam bahtera) bersama Nuh, juga dari zuriat Ibrahim dan Israel (Ya'kub)."(58)

Pokok-pokok Keturunan Para Anbia'

Zuriat Adam meliputi semua Anbia' dan zuriat Nuh mengandungi para Anbia' selepasnya dan zuriat Ibrahim meliputi para Anbia' dari dua orang anaknya Ismail dan Ishaq, dan zuriat Ya'kub merupakan pokok keturunan Bani Israel. Sementara zuriat Ismail pula meliputi keturunan Arab termasuk Nabi Muhammad Khatamun-Nabiyin.

Itulah para Anbia' bersama-sama para solehin dari, zuriat yang telah dihidayat dan dipilihkan Allah. Oleh itu mereka mempunyai satu sifat yang istimewa iaitu:

إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُ الرَّحْمَٰنِ خَرُّوا سُجَّدًا وَبُكِيًّا ﴿٥٨﴾

"Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah Yang Maha Penyayang mereka terus merebahkan diri sujud dan menangis."(58)

Mereka adalah orang-orang yang amat bertaqwa dan amat peka terhadap Allah. Hati mereka terus menggelentar apabila dibacakan ayat-ayat Allah. Mereka tidak mendapat kata-kata untuk mengungkapkan perasaan keterharuan yang berkecamuk di dalam hati mereka menyebabkan mereka menitiskan airmata dan merebahkan diri sujud dan menangis.

Orang-orang yang bertaqwa, peka, menitis airmata dan khusyu' mendengar ayat-ayat Allah itu telah

digantikan oleh generasi-generasi selepas mereka yang menjauhkan diri dari Allah:

Generasi Baru Mengabaikan Solat

فَخَلَفَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡ خَلۡفٌ أَضَاعُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّبَعُواْ ٱلشَّهَوَٰتِۖ

"Kemudian datanglah selepas mereka generasi pengganti, yang mengabaikan solat dan mengikut hawa nafsu"(59)

yakni mereka meninggal dan mengingkari solat dan asyik dengan keni'matan hawa nafsu. Alangkah jauhnya perbezaan dan alangkah jauhnya persamaan di antara dua angkatan itu.

Justeru itulah ayat yang berikut mengancam orang-orang yang menyeleweng dari perjalanan datuk nenek mereka yang soleh itu dengan akibat kesesatan dan kebinasaan.

فَسَوۡفَ يَلۡقَوۡنَ غَيًّا ﴿٥٩﴾

"Dan mereka akan menemui kesesatan."(59)

Dan akibat dari kesesatan itu ialah kerugian dan kebinasaan.

Kemudian ayat yang berikut membuka pintu taubat dengan seluas-luasnya, di mana bertiupnya bayu-bayu rahmat, kemesraan dan keni'matan yang sepoi-sepoi bahasa:

إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَأُوْلَٰٓئِكَ يَدۡخُلُونَ ٱلۡجَنَّةَ وَلَا يُظۡلَمُونَ شَيۡـٔٗا ﴿٦٠﴾

جَنَّٰتِ عَدۡنٍ ٱلَّتِي وَعَدَ ٱلرَّحۡمَٰنُ عِبَادَهُۥ بِٱلۡغَيۡبِۚ إِنَّهُۥ كَانَ وَعۡدُهُۥ مَأۡتِيّٗا ﴿٦١﴾

لَّا يَسۡمَعُونَ فِيهَا لَغۡوًا إِلَّا سَلَٰمٗاۖ وَلَهُمۡ رِزۡقُهُمۡ فِيهَا بُكۡرَةٗ وَعَشِيّٗا ﴿٦٢﴾

تِلۡكَ ٱلۡجَنَّةُ ٱلَّتِي نُورِثُ مِنۡ عِبَادِنَا مَن كَانَ تَقِيّٗا ﴿٦٣﴾

"Kecuali mereka yang bertaubat, beriman dan mengerjakan aman yang soleh, maka mereka akan memasuki Syurga dan tidak akan dikurangi sedikitpun(60). Iaitu Syurga-syurga 'Adni yang telah dijanjikan Allah Yang Maha Penyayang kepada para hamba-Nya. Sesungguhnya janji Allah itu tetap akan ditepati(61). Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang sesia kecuali ucapan-ucapan selamat, dan di sana mereka akan memperolehi rezeki pagi dan petang(62). Itulah Syurga yang Kami akan wariskan kepada orang yang bertaqwa dari para hamba Kami."(63)

Hanya taubat yang melahirkan iman dan amalan yang soleh sahaja yang merealisasikan pengertiannya yang positif dan jelas, dan taubat inilah sahaja yang dapat menyelamatkan seseorang dari akibat kesesatan itu. Mereka akan dimasukkan ke dalam Syurga dan tidak akan dikurangi balasannya sedikitpun. Mereka masuk ke dalam Syurga untuk tinggal kekal abadi. Itulah Syurga yang dijanjikan Allah Yang Maha Penyayang kepada para hamba-Nya, lalu mereka beriman kepada segala janji yang ghaib walaupun mereka belum melihat-Nya, kerana janji Allah tetap akan ditepati sepenuhnya.

Kemudian ayat ini menggambarkan keadaan Syurga dan para penghuninya:

Suasana Hidup Dalam Syurga

لَّا يَسۡمَعُونَ فِيهَا لَغۡوًا إِلَّا سَلَٰمٗاۖ

"Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang sesia kecuali ucapan-ucapan selamat."(62)

. Di sana tidak ada percakapan yang remeh temeh, tidak ada bunyi percakapan yang bising dan tidak ada perdebatan. Di sana hanya satu suara sahaja yang dapat didengari yang sesuai dengan suasana yang mesra itu, iaitu suara ucapan selamat. Di sana juga rezeki seseorang terjamin. Dia tidak perlu berusaha dan berpenat lelah untuk mendapat rezeki, dia tidak perlu takut dan bimbang kepada ketinggalan dan kehabisan rezeki:

وَلَهُمۡ رِزۡقُهُمۡ فِيهَا بُكۡرَةٗ وَعَشِيّٗا ﴿٦٢﴾

"Dan di sana mereka akan memperolehi rezeki pagi dan petang."(62)

Kerana itu usaha untuk mencari rezeki dan perasaan takut dan bimbang tidak sesuai dengan suasana Syurga yang mesra, lemah-lembut dan lurus.

تِلۡكَ ٱلۡجَنَّةُ ٱلَّتِي نُورِثُ مِنۡ عِبَادِنَا مَن كَانَ تَقِيّٗا ﴿٦٣﴾

"Itulah Syurga yang Kami akan wariskan kepada orang yang bertaqwa dari para hamba Kami."(63)

Oleh itu sesiapa yang ingin mewarisi Syurga, maka jalan ke arah itu memang diketahui umum, iaitu taubat, iman dan amalan yang soleh, sedangkan warisan keturunan tidak berguna. Ada kaum yang mewarisi keturunan dari para Anbia' yang amat bertaqwa dan dari orang-orang soleh yang telah diberi hidayat dan dipilih oleh Allah, tetapi sayang mereka telah meninggalkan solat dan mengikut hawa nafsu itu. Justeru itu warisan keturunan tidak berguna apa-apa kepada mereka. Malah mereka .....

فَسَوۡفَ يَلۡقَوۡنَ غَيًّا ﴿٥٩﴾

"Mereka akan menemui kesesatan."(59)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 64 - 65)

Pelajaran ini ditamatkan dengan sebuah pengumuman yang mengisytiharkan Rububiyah Allah yang mutlaq, penumpuan ibadat kepada Allah, sabar memikul tugas-tugas ibadat dan menolak sebarang tandingan dan bandingan terhadap Allah:

وَمَا نَتَنَزَّلُ إِلَّا بِأَمۡرِ رَبِّكَۖ لَهُۥ مَا بَيۡنَ أَيۡدِينَا وَمَا خَلۡفَنَا

وَمَا بَيْنَ ذَٰلِكَ ۚ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾
رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ
لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ هَلْ تَعْلَمُ لَهُۥ سَمِيًّا ﴿٦٥﴾

"Dan kami (Jibril) tidak turun kecuali dengan perintah Tuhanmu. Dialah yang memiliki segala apa yang ada di hadapan kami dan segala apa yang ada di belakang kami dan segala apa yang ada di antara keduanya. Dia Tuhanmu tiada sekali-kali lupa(64). Dialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan segala apa yang ada di antara keduanya. Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepada-Nya. Apakah engkau pernah mengetahui siapa yang sama (setanding) dengan-Nya?(65)"

Jibril Hanya Turun Dengan Perintah Allah

Banyak riwayat-riwayat menunjukkan bahawa ayat:

وَمَا نَتَنَزَّلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ ۖ

"Dan kami (Jibril) tidak turun kecuali dengan perintah Tuhanmu"(64)

adalah dari perkataan yang diperintahkan Allah kepada Jibril a.s. supaya beliau menyampaikannya kepada Rasulullah s.a.w. sebagai jawapan atas kemusykilannya ketika wahyu telah terlambat turun dan tidak dibawa jibril seketika. Lalu beliau merasa kesepian dan begitu rindu untuk berhubung dengan Allah yang amat dikasihi-Nya, lalu Allah memerintah jibril meyampaikan ayat ini kepada beliau:

وَمَا نَتَنَزَّلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ ۖ

"Dan kami (Jibril) tidak turun kecuali dengan perintah Tuhanmu."(64)

Kerana Allahlah yang menguasai seluruh urusan kami (para malaikat):

لَهُۥ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا وَمَا بَيْنَ ذَٰلِكَ ۚ

"Dialah yang memiliki segala apa yang ada di hadapan kami dan segala apa yang ada di belakang kami dan segala apa yang ada di antara keduanya."(64)

Allah tidak pernah lupa sesuatu apa. Dia hanya menurun wahyu ketika diperlukan hikmat kebijaksanaan-Nya:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾

"Dan Tuhanmu tiada sekali-kali lupa."(64)

Justeru itu amatlah sesuai selepas pernyataan ini disebut kewajipan bersabar dalam menunaikan ibadat kepada Allah dan diumumkan konsep Rububiyah Allah yang mutlaq, yang tidak dimiliki oleh yang lain dari-Nya:

رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا

"Dialah yang memiliki langit dan bumi dan segala apa yang ada di antara keduanya."(65)

Tiada Rububiyah bagi yang lain dari Allah dan tiada sekutu bagi-Nya di alam buana yang amat besar ini.

Ibadat Itu Sukar, Tetapi Penuh Ni'mat

فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ

"Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepada-Nya."(65)

Hendaklah engkau mengerjakan ibadat kepada-Nya dan bersabar melaksanakan tugas-tugasnya, kerana ia merupakan tugas-tugas yang membawa manusia ke puncak martabat mengadap Allah dan menetapkan diri di martabat yang tinggi itu. Hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan bulatkan hatimu kepada-Nya dan gemblengkan seluruh tenagamu untuk menemui dan menerima arahan Ilahi di maqam yang tinggi itu. Ibadat itu penuh dengan kesukaran, iaitu kesukaran membulatkan hati, menumpukan fikiran dan membersihkannya dari segala kesibukan yang lain dan dari segala panggilan dan perhatian yang lain. Walaupun ibadat itu sukar, tetapi ia memberi keni'matan dan kelazatan yang tidak dapat dinilai melainkan mereka yang mengalaminya sahaja. Kelazatan ibadat tidak dapat dicapai melainkan dengan kesukaran, keikhlasan, pemusatan hati dan kesediaan setiap anggota dan fikiran. Ibadat tidak akan membuka rahsianya dan tidak akan mengeluarkan baunya yang harum melainkan kepada mereka yang ikhlas dan membuka seluruh pintu hati dan perasaan kepadanya.

فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ

"Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepada-Nya."(65)

Ibadat di dalam Islam bukannya semata-mata lambang, malah ia merupakan seluruh kegiatan, seluruh harakat dan seluruh fikiran, seluruh niat dan seluruh arah tujuan. Memang sukar bagi seseorang untuk menumpukan segala-galanya kepada Allah sahaja tanpa yang lain dari-Nya. Kesukaran ini memerlukan kesabaran untuk membolehkan hati seseorang bertawajjuh kepada Allah dalam setiap kegiatannya di bumi ini, iaitu dengan tawajjuh yang bersih dari kekotoran-kekotoran bumi, belenggu-belenggu keperluan, kehendak-kehendak hawa nafsu dan tawar menawar kehidupan.

Ibadat merupakan satu sistem hidup yang sempurna yang dihayati seseorang. Dia harus sedar dalam setiap kegiatannya sama ada kecil atau besar di sepanjang hidupnya bahawa dia sedang beribadat kepada Allah. Ini bererti dia meningkatkan seluruh kegiatannya ke tahap ibadat yang bersih dan cemerlang. Oleh itu ibadat merupakan satu sistem hidup yang memerlukan kesabaran, kesungguhan dan kegigihan.

فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ

"Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepada-Nya"(65)

kerana Allahlah sahaja Tuhan Yang Maha Esa yang disembah di alam buana ini. Dan kepada-Nyalah seluruh fitrah dan hati bertawajjuh.

هَلۡ تَعۡلَمُ لَهُۥ سَمِيّٗا ﴿٦٥﴾

"Apakah engkau pernah mengetahui siapa yang sama (setanding) dengan-Nya?"(65)

Apakah engkau tahu di sana ada tuhan yang lain yang setanding dengan Allah? Maha Sucilah Allah dari segala tandingan dan keserupaan.

(Kumpulan ayat-ayat 66 - 98)

وَيَقُولُ ٱلۡإِنسَٰنُ أَءِذَا مَا مِتُّ لَسَوۡفَ أُخۡرَجُ حَيًّا ﴿٦٦﴾
أَوَلَا يَذۡكُرُ ٱلۡإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقۡنَٰهُ مِن قَبۡلُ وَلَمۡ يَكُ شَيۡـٔٗا ﴿٦٧﴾
فَوَرَبِّكَ لَنَحۡشُرَنَّهُمۡ وَٱلشَّيَٰطِينَ ثُمَّ لَنُحۡضِرَنَّهُمۡ حَوۡلَ جَهَنَّمَ جِثِيّٗا ﴿٦٨﴾
ثُمَّ لَنَنزِعَنَّ مِن كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمۡ أَشَدُّ عَلَى ٱلرَّحۡمَٰنِ عِتِيّٗا ﴿٦٩﴾
ثُمَّ لَنَحۡنُ أَعۡلَمُ بِٱلَّذِينَ هُمۡ أَوۡلَىٰ بِهَا صِلِيّٗا ﴿٧٠﴾
وَإِن مِّنكُمۡ إِلَّا وَارِدُهَاۚ كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتۡمٗا مَّقۡضِيّٗا ﴿٧١﴾
ثُمَّ نُنَجِّي ٱلَّذِينَ ٱتَّقَواْ وَّنَذَرُ ٱلظَّٰلِمِينَ فِيهَا جِثِيّٗا ﴿٧٢﴾
وَإِذَا تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٖ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَيُّ ٱلۡفَرِيقَيۡنِ خَيۡرٞ مَّقَامٗا وَأَحۡسَنُ نَدِيّٗا ﴿٧٣﴾
وَكَمۡ أَهۡلَكۡنَا قَبۡلَهُم مِّن قَرۡنٍ هُمۡ أَحۡسَنُ أَثَٰثٗا وَرِءۡيٗا ﴿٧٤﴾
قُلۡ مَن كَانَ فِي ٱلضَّلَٰلَةِ فَلۡيَمۡدُدۡ لَهُ ٱلرَّحۡمَٰنُ مَدًّاۚ حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوۡاْ مَا يُوعَدُونَ إِمَّا ٱلۡعَذَابَ وَإِمَّا ٱلسَّاعَةَ فَسَيَعۡلَمُونَ مَنۡ هُوَ شَرّٞ مَّكَانٗا وَأَضۡعَفُ جُندٗا ﴿٧٥﴾
وَيَزِيدُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ٱهۡتَدَوۡاْ هُدٗىۗ وَٱلۡبَٰقِيَٰتُ ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيۡرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابٗا وَخَيۡرٞ مَّرَدًّا ﴿٧٦﴾

"Manusia selalu berkata: Betulkah apabila aku telah mati, aku akan dihidupkan kembali?(66) Apakah manusia tidak mengingati bahawa sebelum ini Kami telah pun menciptakannya, sedangkan dia belum berupa sesuatu?(67) Demi Tuhanmu, Kami akan kumpulkan mereka bersama syaitan-syaitan kemudian Kami akan membawa mereka melutut di sekeliling Neraka(68). Kemudian Kami akan tarik dari setiap golongan itu mana-mana orang yang paling derhaka kepada Allah Yang Maha Penyayang(69). Kemudian Kamilah yang amat mengetahui siapakah orang-orang yang lebih wajar dimasukkan ke dalam Neraka?(70). Dan tiada siapa pun dari kamu melainkan akan mendatanginya. Itulah keputusan yang telah ditetapkan Tuhanmu(71). Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa dan Kami akan tinggalkan orang-orang yang zalim itu melutut di dalam Neraka(72). Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, nescaya berkatalah orang-orang kafir kepada orang-orang yang beriman: Manakah di antara dua golongan ini yang lebih baik tempat kediamannya dan lebih cantik majlis pertemuannya?(73) Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, sedangkan mereka lebih cantik (dari segi) peralatan rumahtangga dan pemandangan(74). Katakanlah: Sesiapa yang berada di dalam kesesatan, maka biarlah Allah Yang Maha Penyayang itu melanjutkan satu tempoh yang panjang kepadanya, sehingga apabila mereka sempat melihat segala apa yang dijanjikan kepada mereka sama ada 'azab (dunia) atau Qiamat, maka (di waktu itu) mereka akan mengetahui siapakah yang lebih buruk kedudukannya dan lebih lemah para pembantunya?(75) Dan Allah akan menambahkan hidayat kepada mereka yang telah menerima hidayat dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya"(76).

أَفَرَءَيۡتَ ٱلَّذِي كَفَرَ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالَ لَأُوتَيَنَّ مَالٗا وَوَلَدًا ﴿٧٧﴾
أَطَّلَعَ ٱلۡغَيۡبَ أَمِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحۡمَٰنِ عَهۡدٗا ﴿٧٨﴾
كَلَّاۚ سَنَكۡتُبُ مَا يَقُولُ وَنَمُدُّ لَهُۥ مِنَ ٱلۡعَذَابِ مَدّٗا ﴿٧٩﴾
وَنَرِثُهُۥ مَا يَقُولُ وَيَأۡتِينَا فَرۡدٗا ﴿٨٠﴾
وَٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةٗ لِّيَكُونُواْ لَهُمۡ عِزّٗا ﴿٨١﴾
كَلَّاۚ سَيَكۡفُرُونَ بِعِبَادَتِهِمۡ وَيَكُونُونَ عَلَيۡهِمۡ ضِدًّا ﴿٨٢﴾
أَلَمۡ تَرَ أَنَّآ أَرۡسَلۡنَا ٱلشَّيَٰطِينَ عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ تَؤُزُّهُمۡ أَزّٗا ﴿٨٣﴾
فَلَا تَعۡجَلۡ عَلَيۡهِمۡۖ إِنَّمَا نَعُدُّ لَهُمۡ عَدّٗا ﴿٨٤﴾

يَوْمَ نَحْشُرُ الْمُتَّقِينَ إِلَى الرَّحْمَٰنِ وَفْدًا ﴿٨٥﴾
وَنَسُوقُ الْمُجْرِمِينَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وِرْدًا ﴿٨٦﴾
لَا يَمْلِكُونَ الشَّفَاعَةَ إِلَّا مَنِ اتَّخَذَ عِنْدَ الرَّحْمَٰنِ
عَهْدًا ﴿٨٧﴾

"Apakah kamu telah melihat orang yang mengingkari ayat-ayat Kami dan berkata: Aku tetap diberikan harta dan anak di Akhirat(77). Apakah dia melihat perkara yang ghaib atau dia telah memeteraikan perjanjian di sisi Allah Yang Maha Penyayang(78). Tidak sekali-kali tidak, Kami akan catat apa yang telah dikatakannya dan Kami akan melanjutkan tempoh 'azab yang panjang untuknya(79). Dan Kami akan mewarisi (harta dan anak) yang dikatakannya itu dan dia akan datang kepada Kami dengan seorang diri(80). Dan mereka telah mengambil tuhan-tuhan yang lain dari Allah supaya tuhan-tuhan itu menjadi pelindung mereka(81). Tidak sekali-kali tidak, kelak tuhan-tuhan itu akan mengingkarkan penyembahan mereka dan akan menjadi musuh kepada mereka(82). Tidakkah engkau lihat bahawa Kami telah mengutuskan para syaitan kepada orang-orang kafir untuk menghasut mereka (kepada maksiat) dengan hasutan (yang licin)?(83) Oleh itu janganlah kamu terburu-buru terhadap mereka. Sesungguhnya Kami mengirakan (hari balasan mereka) dengan kiraan yang teliti(84). Ingatlah hari Kami mengumpulkan para Muttaqin mengadap Allah Yang Maha Penyayang dalam rombongan (yang disambut dengan kemuliaan)(85). Dan Kami akan menghalaukan para pendosa ke Neraka Jahannam seperti kumpulan binatang(86). Mereka tidak mendapat syafa'at kecuali orang yang telah memeteraikan perjanjian di sisi Allah Yang Maha Penyayang"(87).

وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ﴿٨٨﴾
لَقَدْ جِئْتُمْ شَيْئًا إِدًّا ﴿٨٩﴾
تَكَادُ السَّمَاوَاتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنْشَقُّ الْأَرْضُ
وَتَخِرُّ الْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾
أَنْ دَعَوْا لِلرَّحْمَٰنِ وَلَدًا ﴿٩١﴾
وَمَا يَنْبَغِي لِلرَّحْمَٰنِ أَنْ يَتَّخِذَ وَلَدًا ﴿٩٢﴾
إِنْ كُلُّ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا آتِي
الرَّحْمَٰنِ عَبْدًا ﴿٩٣﴾
لَقَدْ أَحْصَاهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا ﴿٩٤﴾
وَكُلُّهُمْ آتِيهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَرْدًا ﴿٩٥﴾
إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ
لَهُمُ الرَّحْمَٰنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾
فَإِنَّمَا يَسَّرْنَاهُ بِلِسَانِكَ لِتُبَشِّرَ بِهِ الْمُتَّقِينَ
وَتُنْذِرَ بِهِ قَوْمًا لُدًّا ﴿٩٧﴾
وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِنْ قَرْنٍ هَلْ تُحِسُّ مِنْهُمْ مِنْ
أَحَدٍ أَوْ تَسْمَعُ لَهُمْ رِكْزًا ﴿٩٨﴾

"Dan mereka berkata: Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(88). Sesungguhnya kamu telah mengeluarkan suatu (perkataan) yang amat keji(89). Langit hampir-hampir pecah kerana perkataan itu dan bumi hampir terbelah dan gunung-ganang hampir runtuh(90). Kerana mereka mendakwa Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(91). Sedangkan tidak wajar bagi Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(92). Tiada siapa pun di langit dan di bumi melainkan semuanya datang mengadap Allah Yang Maha Penyayang sebagai seorang hamba(93). Sesungguhnya Allah telah menghitung dan mengira mereka dengan kiraan yang rapi(94). Dan seluruh mereka akan datang mengadap-Nya pada hari Qiamat dengan seorang diri(95). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan dikurniakan Allah Yang Maha Penyayang kasih mesra terhadap mereka(96). Sesungguhnya Kami telah mempermudahkan Al-Qur'an itu dengan bahasa ibundamu supaya engkau dapat menyampaikan dengannya berita gembira kepada para Muttaqin dan memberi amaran kepada kaum yang sangat degil(97). Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka apakah engkau nampak seorang dari mereka atau mendengar sesuatu bisikan dari mereka"(98).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Ayat-ayat yang terdahulu dalam surah ini telah meneruskan pembicaraannya mengenai kisah-kisah Zakaria, kelahiran Yahya, kisah Maryam dan kelahiran 'Isa, kisah Ibrahim yang telah mengasingkan diri dari bapanya, kisah generasi-generasi yang datang selepas mereka yang terdiri dari orang-orang yang menerima hidayat dan orang-orang yang sesat, kemudian diiringi dengan satu kesimpulan terhadap kisah-kisah itu, iaitu kesimpulan yang mengumumkan hakikat Rububiyah Allah Yang Maha Esa yang wajar disembah tanpa sebarang sekutu. Itulah hakikat agung yang ditonjolkan oleh kisah-kisah itu melalui peristiwa-peristiwanya, pemandangan-pemandangannya dan ulasan-ulasannya.

Pelajaran yang akhir surah ini pula meneruskan pembicaraannya mengenai perdebatan di sekitar aqidah-aqidah syirik dan keingkaran terhadap isu kebangkitan sambil menayangkan di dalam pemandangan-pemandangan Qiamat nasib kesudahan manusia dengan gambaran-gambaran yang hidup, penuh harakat dan perasaan yang terharu, disertai oleh seluruh alam buana dengan

langit buminya, manusia dan jin, yang beriman dan yang kafir.

Ayat-ayat berikut beralih pula kepada pemandangan-pemandangan di antara alam dunia dan alam Akhirat yang mempunyai hubungan yang amat rapat, di mana pendahuluannya ditayangkan di sini di alam dunia dan natijahnya ditayangkan di sana di alam Akhirat, sedangkan jarak di antara keduanya disenggang oleh beberapa ayat atau beberapa kalimat sahaja hingga membuat hati kita merasa bahawa kedua-dua alam itu benar-benar mempunyai hubungan yang amat rapat dan sepadu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 72)

وَيَقُولُ ٱلْإِنسَٰنُ أَءِذَا مَا مِتُّ لَسَوْفَ أُخْرَجُ حَيًّا ﴿٦٦﴾

أَوَلَا يَذْكُرُ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْـًٔا ﴿٦٧﴾

فَوَرَبِّكَ لَنَحْشُرَنَّهُمْ وَٱلشَّيَٰطِينَ ثُمَّ لَنُحْضِرَنَّهُمْ حَوْلَ جَهَنَّمَ جِثِيًّا ﴿٦٨﴾

ثُمَّ لَنَنزِعَنَّ مِن كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى ٱلرَّحْمَٰنِ عِتِيًّا ﴿٦٩﴾

ثُمَّ لَنَحْنُ أَعْلَمُ بِٱلَّذِينَ هُمْ أَوْلَىٰ بِهَا صِلِيًّا ﴿٧٠﴾

وَإِن مِّنكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتْمًا مَّقْضِيًّا ﴿٧١﴾

ثُمَّ نُنَجِّي ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوا۟ وَّنَذَرُ ٱلظَّٰلِمِينَ فِيهَا جِثِيًّا ﴿٧٢﴾

"Manusia selalu berkata: Betulkah apabila aku telah mati, aku akan dihidupkan kembali?(66) Apakah manusia tidak mengingati bahawa sebelum ini Kami telah pun menciptakannya, sedangkan dia belum berupa sesuatu?(67) Demi Tuhanmu, Kami akan kumpulkan mereka bersama syaitan-syaitan kemudian Kami akan membawa mereka melutut di sekeliling Neraka(68). Kemudian Kami akan tarik dari setiap golongan itu mana-mana orang yang paling derhaka kepada Allah Yang Maha Penyayang(69). Kemudian Kamilah yang amat mengetahui siapakah orang-orang yang lebih wajar dimasukkan ke dalam Neraka?(70) Dan tiada siapa pun dari kamu melainkan akan mendatanginya. Itulah keputusan yang telah ditetapkan Tuhanmu(71). Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa dan Kami akan tinggalkan orang-orang yang zalim itu melutut di dalam Neraka."(72)

Pemandangan ini dimulakan dengan menyebut kemusykilan manusia terhadap kebangkitan. Ia dikemukakan oleh berbagai-bagai golongan manusia di berbagai-bagai zaman, seolah-olah ia merupakan kekeliruan manusia dan bangkangan mereka yang berulang-ulang di sepanjang zaman:

وَيَقُولُ ٱلْإِنسَٰنُ أَءِذَا مَا مِتُّ لَسَوْفَ أُخْرَجُ حَيًّا ﴿٦٦﴾

"Manusia selalu berkata: Betulkah apabila aku telah mati, aku akan dihidupkan kembali?"(66)

Bangkangan ini adalah berpunca dari kelalaian mereka terhadap asal-usul kejadian mereka yang pertama. Di mana dia berada dahulu? Bagaimana pula dia wujud? Dia dahulu tidak ada kemudian ada. Kebangkitan itu lebih mudah difaham apabila dia mengenangkan asal-usul kejadiannya yang pertama:

أَوَلَا يَذْكُرُ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْـًٔا ﴿٦٧﴾

"Apakah manusia tidak mengingati bahawa sebelum ini Kami telah pun menciptakannya, sedangkan dia belum berupa sesuatu?"(67)

Kemudian kecaman itu diiringi dengan satu sumpah yang mengancam. Allah bersumpah dengan dirinya sendiri dan inilah sumpah yang paling besar dan paling mulia bahawa mereka akan dihimpunkan selepas kebangkitan dan ini merupakan keputusan yang telah ditetapkan Allah.

فَوَرَبِّكَ لَنَحْشُرَنَّهُمْ وَٱلشَّيَٰطِينَ

"Demi Tuhanmu, Kami akan kumpulkan mereka bersama syaitan-syaitan"(68)

mereka tidak akan dihimpunkan sendirian sahaja, malah akan dihimpunkan bersama syaitan-syaitan yang menghasut mereka mengingkarkan kebangkitan itu. Di antara mereka dengan syaitan terjalin hubungan pengikut dengan ketua, hubungan pemimpin dengan yang dipimpin.

Di sini ayat yang berikut melukiskan satu gambaran yang hidup yang menunjukkan mereka sedang melutut dengan hina dina di sekeliling Neraka Jahannam:

ثُمَّ لَنُحْضِرَنَّهُمْ حَوْلَ جَهَنَّمَ جِثِيًّا ﴿٦٨﴾

"Kemudian Kami akan membawa mereka melutut di sekeliling Neraka."(68)

Itulah gambaran yang amat menakutkan, di mana kumpulan-kumpulan manusia yang tidak terhingga banyaknya itu telah dihimpun dan dibawa ke Neraka Jahannam melutut disekelilingnya. Di sana mereka melihat kedahsyatan Neraka dan diselarkan kepanasannya. Mereka menunggu bila-bila masa sahaja untuk dilontarkan ke dalam Neraka. Mereka melutut dengan penuh kehinaan dan ketakutan.

Itulah pemandangan yang amat hina kepada orang-orang yang angkuh dan sombong, kemudian diiringi pula dengan pemandangan, di mana orang-orang yang paling sombong dan takbur akan ditarik dan dicabut (dari kumpulan itu):

ثُمَّ لَنَنزِعَنَّ مِن كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى ٱلرَّحْمَٰنِ عِتِيًّا ﴿٦٩﴾

"Kemudian Kami akan tarik dari setiap golongan itu mana-mana orang yang paling derhaka kepada Allah Yang Maha Penyayang."(69)

Lafaz-lafaz ayat ini amat keras untuk melukiskan gambaran tarikan dan cabutan yang keras itu dengan suasana dan nada susunan kata-kata itu sendiri, dan kemudian diikuti dengan gambaran mereka dilontarkan ke dalam Neraka dan harakat lontaran itu disempurnakan oleh daya khayal kita.

Allah amat mengetahui siapakah yang wajar di antara mereka untuk dimasukkan ke dalam Neraka? Tiada seseorang pun yang akan ditangkap secara sembarangan dari kumpulan yang tidak terbilang banyaknya itu (untuk dibuangkan ke dalam Neraka) kerana kumpulan-kumpulan itu telah pun dihitung oleh Allah seorang demi seorang.

ثُمَّ لَنَحْنُ أَعْلَمُ بِٱلَّذِينَ هُمْ أَوْلَىٰ بِهَا صِلِيًّا ﴿٧٠﴾

"Kemudian Kamilah yang amat mengetahui siapakah orang-orang yang lebih wajar dimasukkan ke dalam Neraka?"(70)

Merekalah golongan yang dipilih untuk menjadi kumpulan perintis untuk dibuang ke dalam Neraka.

Orang-orang yang beriman turut menyaksikan pemandangan yang ngeri itu:

وَإِن مِّنكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا ۚ كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتْمًا مَّقْضِيًّا ﴿٧١﴾

"Dan tiada sesiapa pun dari kamu melainkan akan mendatanginya. Itulah keputusan yang telah ditetapkan Tuhanmu."(71)

Mereka datang, menghampiri dan lalu di hadapan Neraka yang sedang bernyala-nyala dengan garang itu, dan mereka melihat orang-orang yang zalim dan takbur itu ditarik dan dilontarkan ke dalam Neraka.

ثُمَّ نُنَجِّي ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوا۟

"Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa"(72)

kemudian mereka dijauhkan dari Neraka dan terselamatlah mereka darinya.

وَّنَذَرُ ٱلظَّٰلِمِينَ فِيهَا جِثِيًّا ﴿٧٢﴾

"Dan Kami akan tinggalkan orang-orang yang zalim itu melutut di dalam Neraka."(72)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 73 - 76)

Sikap Angkuh Orang-orang Kafir Terhadap Orang-orang Yang Beriman

Dari pemandangan yang ngeri ini, di mana orang-orang yang zalim melutut dengan hina dina dan orang-orang yang bertaqwa berlalu dengan selamat dan orang-orang yang zalim kekal melutut... dari pemandangan ini beralih pula kepada pemandangan alam dunia, di mana orang-orang kafir berlagak takbur terhadap orang-orang yang beriman. Mereka menghina orang-orang yang beriman kerana kemiskinan mereka dan berbangga dengan kekayaan mereka, dengan kedudukan-kedudukan zahir mereka dan dengan nilai-nilai mereka di alam dunia yang fana.

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٍ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَىُّ ٱلْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا ﴿٧٣﴾

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, nescaya berkatalah orang-orang yang kafir kepada orang-orang yang beriman: Manakah di antara dua golongan ini yang lebih baik tempat kediamannya dan lebih cantik majlis pertemuannya?"(73)

Itulah majlis-majlis pertemuan mereka yang cantik dan tempat-tempat perhimpunan mereka yang mewah dan itulah nilai-nilai yang dijadikan ukuran oleh para pembesar dan para manusia mewah di zaman-zaman kerosakan berbanding dengan majlis-majlis pertemuan (orang-orang yang beriman) yang bertaraf rendah dan tempat-tempat perhimpunan yang serba miskin kecuali keimanan sahaja, di mana dada terdapat keindahan dan perhiasan-perhiasan yang cantik. Kedua-dua bentuk majlis pertemuan itu bertentangan dan berkumpul satu sama lain di dunia ini.

Majlis yang pertama berdiri dengan kehebatan-kehebatan dan kebesaran yang menarik. Ia berdiri dengan harta kekayaan dan kecantikan. Ia berdiri dengan kuasa dan darjat kebesarannya. Ia berdiri dengan kepentingan-kepentingan dan keuntungan-keuntungan yang disedia dan direallsasikannya. Ia berdiri dengan kelazatan-kelazatan dan keni'matan. Sementara majlis yang kedua berdiri dengan rupa bentuk lahirnya yang miskin dan bertaraf rendah. Ia memandang kecil kepada harta kekayaan dan keni'matan. Ia memandang rendah kepada pangkat kebesaran dan kuasa. Ia menjemput orang ramai menghadhirinya bukan atas nama kelazatan dan kepentingan yang dapat disedia dan direalisasikannya, bukan untuk mendekatkan diri dengan pemerintah, bukan untuk berbangga dengan orang yang berkuasa, tetapi ia menjemput atas nama aqidah yang dibentangkan kepada mereka tanpa sebarang hiasan yang cantik, malah semata-mata untuk berbangga dengan kemuliaan Allah sahaja bukan dengan yang lain dari-Nya. Aqidah itu bukan sahaja dibentangkan begitu, malah membawa bersamanya kesulitan, kepenatan, perjuangan dan penindasan yang sewenang-wenang. Ia tidak berupaya memberi apa-apa ganjaran di atas semua kesulitan dan perjuangan itu di dunia ini, malah ia hanya menawarkan perdampingan dengan Allah dan balasan yang sempurna pada hari hisab.

Mereka ialah pembesar-pembesar Quraysy yang dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah di zaman Rasulullah s.a.w. lantas mereka bertanya kepada orang-orang Mu'min yang miskin:

أَيُّ ٱلْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا ﴿٧٣﴾

"Manakah di antara dua golongan ini yang lebih baik tempat kediamannya dan lebih cantik majlis pertemuannya?"(73)

Manakah yang lebih baik tempat kediamannya dan lebih cantik majlis pertemuannya di antara pembesar-pembesar Quraysy yang tidak beriman kepada Muhammad dengan orang-orang miskin yang berada di sekeliling Muhammad? Manakah yang lebih baik di antara kumpulan an-Nadhr ibn al-Harith, 'Amr ibn Hisyam, al-Walid ibn al-Mughirah dan para pembesar yang lain dengan kumpulan Bilal, 'Ammar, Khabab dan lain-lain saudara mereka yang miskin? Andainya da'wah Muhammad itu baik, mengapa para pengikutnya terdiri dari orang-orang yang tidak ada nilai dan makna di dalam masyarakat Quraysy.? Bukankah mereka hanya dapat berkumpul di sebuah rumah yang miskin yang tidak mempunyai sebarang hiasan seperti rumah Khabab? Sedangkan penentang-penentangnya mempunyai majlis-majlis pertemuan yang indah dan besar di samping mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat?

Itulah logik dunia, logik manusia yang terhijab dari ufuk yang tinggi di setiap zaman dan tempat. Memang itulah hikmat Allah yang membuat aqidah itu berdiri tanpa hiasan dan cat yang cantik, tanpa faktor-faktor yang menggiur supaya aqidah itu dipeluk oleh orang-orang yang mahukannya semata-mata ikhlas kerana Allah bukannya kerana manusia dan bukannya kerana nilai-nilai dan tarikan-tarikan, yang digemari manusia, dan supaya orang-orang yang mencari kepentingan, faedah-faedah kebendaan dan hiasan dunia yang indah, harta benda dan keni'matan itu menjauhkan diri dari aqidah itu.

Kemudian ayat berikut mengulas perkataan orang-orang kafir yang sombong yang berbangga-bangga dengan kedudukan dan hiasan dunia itu dengan sebuah ulasan yang menyentuh kesedaran dan menggerakkan hati mengenangkan peristiwa kebinasaan umat-umat yang dahulu walaupun mereka mempunyai kedudukan yang tinggi dan hidup mewah:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّن قَرْنٍ هُمْ أَحْسَنُ أَثَٰثًا وَرِءْيًا ﴿٧٤﴾

"Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, sedangkan mereka lebih cantik (dari segi) peralatan rumahtangga dan pemandangan."(74)

Maksudnya, peralatan-peralatan dan perhiasan-perhiasan rumahtangga mereka yang indah tidak memberi faedah kepada mereka dan tidak dapat melindungkan mereka sedikitpun dari 'azab Allah apabila Allah telah memutuskan untuk membinasakan mereka.

Malangnya manusia selalu terlupa. Andainya mereka selalu teringat dan berfikir tentulah mereka tidak berlagak sombong dengan kemegahan kulit luar itu, kerana kisah kebinasaan umat-umat yang terdahulu yang berada di sekeliling mereka akan menyedar dan mengingatkan mereka dengan sekeras-kerasnya. Tetapi malangnya mereka leka dengan keadaan hidup mereka, dan terlalai dari akibat buruk yang menunggu mereka, iaitu akibat yang telah menimpa umat-umat zaman silam yang lebih kuat, lebih kaya dan lebih ramai anak pinak dari mereka.

Demikianlah ayat ini menarik perhatian mereka, kemudian ayat yang berikut pula memerintah Rasulullah s.a.w. supaya berdo'a ke atas mereka dalam bentuk mubahalah (pinta ditimpakan kutukan ke atas mana-mana pihak yang zalim) iaitu mana-mana pihak dari dua golongan itu berada di dalam kesesatan, maka biarlah Allah tambahkan masa yang panjang kepada mereka sehingga tiba janji 'azab Allah baik di dunia ini atau di Akhirat nanti:

قُلْ مَن كَانَ فِى ٱلضَّلَٰلَةِ فَلْيَمْدُدْ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ مَدًّا ۚ حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوْا۟ مَا يُوعَدُونَ إِمَّا ٱلْعَذَابَ وَإِمَّا ٱلسَّاعَةَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضْعَفُ جُندًا ﴿٧٥﴾ وَيَزِيدُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ٱهْتَدَوْا۟ هُدًى ۗ وَٱلْبَٰقِيَٰتُ ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ مَّرَدًّا ﴿٧٦﴾

"Katakanlah: Sesiapa yang berada di dalam kesesatan, maka biarlah Allah Yang Maha Penyayang itu melanjutkan satu tempoh yang panjang kepadanya sehingga apabila mereka sempat melihat segala apa yang dijanjikan kepada mereka sama ada 'azab (dunia) atau Qiamat, maka (di waktu itu) mereka akan mengetahui siapakah yang lebih buruk kedudukannya dan lebih lemah para pembantunya?(75) Dan Allah akan menambahkan hidayat kepada mereka yang telah menerima hidayat dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya."(76)

Mereka menyangka bahawa mereka lebih betul dari pengikut-pengikut Muhammad s.a.w. kerana mereka lebih kaya dan lebih bergaya. Biarkanlah mereka begitu! Serahkan sahaja kepada Muhammad supaya memohon kepada Allah menambahkan lagi kesesatan kepada golongan yang sesat dan menambahkan hidayat kepada golongan yang mendapat hidayat sehingga apabila berlaku 'azab yang dijanjikan Allah itu ke atas orang-orang yang sesat melalui tindakan orang-orang yang beriman atau berlaku dalam bentuk 'azab yang paling dahsyat pada hari Qiamat di mana mereka akan mengetahui siapakah di antara dua golongan itu yang lebih buruk kedudukannya dan lebih lemah para penolongnya? Pada hari itu orang-orang yang beriman akan bergembira dan berbangga.

وَٱلْبَٰقِيَٰتُ ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ

"Dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya."(76)

Ia lebih baik dari segala apa yang dibangga-banggakan manusia di dunia ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 77 - 80)

Ciri-ciri Keangkuhan Orang-orang Kafir

Kemudian ayat berikut menayangkan satu lagi contoh keangkuhan orang-orang kafir dan satu lagi perkataan mereka yang dikecam dan dihairankan:

أَفَرَءَيْتَ ٱلَّذِى كَفَرَ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالَ لَأُوتَيَنَّ مَالًا وَوَلَدًا ﴿٧٧﴾
أَطَّلَعَ ٱلْغَيْبَ أَمِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحْمَٰنِ عَهْدًا ﴿٧٨﴾
كَلَّا ۚ سَنَكْتُبُ مَا يَقُولُ وَنَمُدُّ لَهُۥ مِنَ ٱلْعَذَابِ مَدًّا ﴿٧٩﴾
وَنَرِثُهُۥ مَا يَقُولُ وَيَأْتِينَا فَرْدًا ﴿٨٠﴾

"Apakah kamu telah melihat orang yang mengingkari ayat-ayat Kami dan berkata: Aku tetap diberikan harta dan anak di Akhirat(77). Apakah dia melihat perkara yang ghaib atau dia telah memeteraikan perjanjian di sisi Allah Yang Maha Penyayang(78). Tidak sekali-kali tidak, Kami akan catat apa yang telah dikatakannya dan Kami akan melanjutkan tempoh 'azab yang panjang untuknya(79). Dan Kami akan mewarisi (harta dan anak) yang dikatakannya itu dan dia akan datang kepada Kami dengan seorang diri."(80)

Ada sebuah hadith mengenai sebab turunnya ayat-ayat ini dengan isnadnya dari Khabbab ibn al-Aritti katanya: Saya adalah seorang tukang besi. Saya ada hutang pada al-'As ibn Wa'el, lalu saya pergi menemuinya untuk meminta hutang itu dan dia berkata kepada saya: "Tidak, demi Allah aku tidak mahu membayar hutang itu hingga engkau menentang Muhammad". Saya jawab: "Tidak, demi Allah aku tidak akan menentang Muhammad sehingga engkau mati dan dibangkitkan hidup kembali". Lalu dia berkata: "Jika aku mati kemudian aku dibangkitkan kembali, maka bolehlah engkau datang menemuiku kerana aku ada wang dan anak masa itu dan dapatlah aku membayar hutangmu itu". Lalu Allah turunkan ayat. ((أَفَرَءَيْتَ ٱلَّذِى كَفَرَ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالَ لَأُوتَيَنَّ مَالًا وَوَلَدًا)) - diriwayat oleh al-Bukhari dan Muslim

Perkataan al-'As ibn Wa'el ini merupakan contoh sendaan orang-orang kafir dan sikap mereka yang memandang kecil kepada konsep kebangkitan. Oleh itu Al-Qur'an menyatakan kehairanannya terhadap sikap Wa'el dan mengecamkan dakwaannya:

"Apakah dia melihat perkara yang ghaib atau dia telah memeteraikan perjanjian di sisi Allah Yang Maha Penyayang?"(78)

Adakah dia tahu perkara di alam ghaib atau dia telah berjanji dengan Allah dan yakin bahawa janji itu akan ditepati Allah? Kemudian Al-Qur'an mengulas: ((كَلَّا))*"Tidak sekali-kali tidak."(79)*

Kata-kata "كَلَّا" ialah kata-kata penafian dan sangkalan yakni sekali-kali bukannya begitu, dia sama sekali tidak mengetahui perkara ghaib dan tidak pernah berjanji dengan Allah, malah dia hanya menyatakan kekufuran dan sendaannya sahaja. Ancaman dan janji seksa itulah yang sesuai untuk mengajar orang-orang kafir yang berterus terang itu:

كَلَّا ۚ سَنَكْتُبُ مَا يَقُولُ وَنَمُدُّ لَهُۥ مِنَ ٱلْعَذَابِ مَدًّا ﴿٧٩﴾

"Tidak sekali-kali tidak, Kami akan catat apa yang telah dikatakannya dan Kami akan melanjutkan tempoh 'azab yang panjang untuknya."(79)

Kami akan merakamkan segala perkataannya untuk dibentangkan pada hari hisab supaya tidak dilupa dan ditipu. Ayat ini hanya merupakan pengungkapan secara ilustrasi sahaja untuk menyatakan ancaman itu, kerana penipuan tidak mungkin berlaku, sebab tiada suatu pun sama ada kecil atau besar yang terluput dari ilmu Allah. Kami akan memanjangkan tempoh 'azab kepadanya. Kami akan terus menambahkan 'azab itu dan melanjutkan tempohnya hingga tidak putus-putus. Kemudian ayat berikut terus mengecam secara ilustrasi: ((وَنَرِثُهُۥ مَا يَقُولُ)) *"Dan Kami akan mewarisi (harta dan anak) yang dikatakannya itu."(80)*

Kami akan mengambil harta dan anak selaku pesaka peninggalan yang dikatakannya sebagaimana yang dilakukan oleh seorang waris selepas mati orang yang diwarisinya kemudian. ((وَيَأْتِينَا فَرْدًا)) *"Dia akan datang kepada Kami dengan seorang diri."(80)*

Dia akan datang kepada Kami sebatang kara tanpa harta kekayaan, tanpa anak dan penolong, tanpa sebarang sandaran; dia tidak memilik suatu apa. Dia begitu lemah dan bersendirian sahaja.

Lihatlah bagaimana orang yang mengingkari ayat-ayat Allah itu memindahkan (pembayaran hutangnya) pada hari (Qiamat), di mana dia tidak memilik sesuatu apa pun, di mana segala harta kekayaan yang dimiliki di dunia ini telah dirampaskan darinya?

Itulah satu contoh dari contoh-contoh orang-orang kafir. Itulah contoh kekufuran dan dakwaan yang bukan-bukan dan sikap yang sewenang-wenang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 87)

Gejala-gejala Kekufuran

Ayat berikut meneruskan pembicaraan-pembicaraannya tentang gejala-gejala kekufuran dan syirik:

وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةً لِّيَكُونُوا۟ لَهُمْ عِزًّا ﴿٨١﴾

كَلَّا سَيَكْفُرُونَ بِعِبَادَتِهِمْ وَيَكُونُونَ عَلَيْهِمْ ضِدًّا ﴿٨٢﴾

أَلَمْ تَرَ أَنَّآ أَرْسَلْنَا ٱلشَّيَٰطِينَ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ تَؤُزُّهُمْ أَزًّا ﴿٨٣﴾

فَلَا تَعْجَلْ عَلَيْهِمْ إِنَّمَا نَعُدُّ لَهُمْ عَدًّا ﴿٨٤﴾

يَوْمَ نَحْشُرُ ٱلْمُتَّقِينَ إِلَى ٱلرَّحْمَٰنِ وَفْدًا ﴿٨٥﴾

وَنَسُوقُ ٱلْمُجْرِمِينَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وِرْدًا ﴿٨٦﴾

لَّا يَمْلِكُونَ ٱلشَّفَٰعَةَ إِلَّا مَنِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحْمَٰنِ عَهْدًا ﴿٨٧﴾

"Dan mereka telah mengambil tuhan-tuhan yang lain dari Allah supaya tuhan-tuhan itu menjadi pelindung mereka(81). Tidak sekali-kali tidak, kelak tuhan-tuhan itu akan mengingkarkan penyembahan mereka dan akan menjadi musuh kepada mereka(82). Tidakkah engkau lihat bahawa Kami telah mengutuskan para syaitan, kepada orang-orang kafir untuk menghasut mereka (kepada maksiat), dengan hasutan (yang licin)?(83) Oleh itu janganlah kamu terburu-buru terhadap mereka. Sesungguhnya Kami mengirakan (hari balasan mereka) dengan kiraan yang teliti(84) Ingatlah hari Kami mengumpulkan para Muttaqin mengadap Allah Yang Maha Penyayang dalam rombongan (yang disambut dengan kemuliaan)(85) Dan Kami akan menghalaukan para pendosa ke Neraka Jahannam seperti kumpulan binatang(86). Mereka tidak mendapat syafa'at kecuali orang yang telah memeteraikan perjanjian di sisi Allah Yang Maha Penyayang."(87)

Orang-orang yang mengingkari ayat-ayat Allah telah mempertuhankan sembahan-sembahan yang lain dari Allah untuk mencari kemuliaan, kekuatan dan pertolongan. Di antara mereka ada yang menyembah malaikat, ada yang menyembah jin dan memohon pertolongan dan perlindungan darinya, sedangkan yang sebenarnya tidak begitu, malah malaikat dan jin akan menolak dan mengingkarkan perbuatan mereka beribadat kepada mereka dan membersihkan dirinya di hadapan Allah dari perbuatan mereka:

وَيَكُونُونَ عَلَيْهِمْ ضِدًّا ﴿٨٢﴾

"Dan akan menjadi musuh kepada mereka"(82)

dengan membersihkan diri dan menjadi saksi di atas (kekarutan) perbuatan mereka.

Para syaitan akan terus menghasut mereka melakukan maksiat-maksiat. Dan syaitan-syaitan itu telah diberi kuasa dan keizinan untuk menyesatkan mereka sejak Iblis menuntut agar Allah memberi kebebasan kepadanya untuk menyesatkan manusia:

فَلَا تَعْجَلْ عَلَيْهِمْ

"Oleh itu janganlah kamu terburu-buru terhadap mereka"(84)

dan janganlah merasa bosan terhadap mereka kerana mereka telah diberi tempoh ke suatu masa yang dekat sahaja dan segala amalan mereka telah dihitung dengan teliti. Ayat ini menggambarkan kehalusan hisab dengan gambaran yang nyata:

إِنَّمَا نَعُدُّ لَهُمْ عَدًّا ﴿٨٤﴾

"Sesungguhnya Kami mengirakan (hari balasan mereka) dengan kiraan yang teliti."(84)

Itulah gambaran yang menakutkan. Alangkah malangnya mereka yang dihitungkan Allah segala dosanya, segala perbuatannya dan segala nafasnya dan menurut segala jejak langkahnya untuk menghisabkan mereka dengan hisab yang sukar. Seseorang yang sedar bahawa ketuanya di dunia ini sedang memeriksa rekod-rekod kerjanya dan kesilapan-kesilapannya tentulah akan merasa takut dan hidup dalam keadaan cemas dan keluh kesah. Bagaimana pula dengan pemeriksaan Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Hebat balasan-Nya?

Di dalam pemandangan Qiamat ini, Al-Qur'an menggambarkan akibat dari kiraan dan hisab Allah, iaitu para Mu'minin akan datang mengadap Allah dalam rombongan yang disambut dengan penuh kemuliaan:

يَوْمَ نَحْشُرُ ٱلْمُتَّقِينَ إِلَى ٱلرَّحْمَٰنِ وَفْدًا ﴿٨٥﴾

"Ingatlah hari Kami mengumpulkan para Muttaqin mengadap Allah Yang Maha Penyayang dalam rombongan (yang disambut dengan kemuliaan)."(85)

Sementara para pendosa pula mereka akan dihalau ke Neraka Jahannam sebagaimana dihalaukan kumpulan-kumpulan kambing:

وَنَسُوقُ ٱلْمُجْرِمِينَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وِرْدًا ﴿٨٦﴾

"Dan Kami akan menghalaukan para pendosa ke Neraka Jahannam seperti kumpulan binatang."(86)

Pada hari itu tiada pengurniaan syafa'at melainkan kepada mereka yang mengerjakan amalan yang soleh kerana amalan yang soleh itu merupakan seolah-olah perjanjian di sisi Allah yang akan dibalaskan dengan sempurna. Allah telah menjanjikan kepada mereka yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh bahawa Allah akan membalasnya dengan balasan yang amat sempurna dan Allah tidak akan memungkiri janji-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 96)

Alam Buana Turut Memberontak Terhadap Perkataan Biadab Terhadap Allah

Kemudian ayat berikut sekali lagi menyebut perkataan yang keji dari perkataan-perkataan yang diucapkan oleh kaum Musyrikin, iaitu apabila kaum Musyrikin Arab berkata bahawa malaikat-malaikat itu puteri-puteri Allah dan kaum Musyrikin Yahudi berkata bahawa 'Uzayr anak Allah dan kaum Musyrikin Kristian berkata bahawa al-Masih Isa anak Allah, seluruh alam buana menggigil mendengar perkataan yang keji itu, iaitu satu perkataan yang dijijik dan dibencikan oleh fitrah dan hati nurani alam buana:

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ﴿٨٨﴾
لَّقَدْ جِئْتُمْ شَيْـًٔا إِدًّا ﴿٨٩﴾
تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنشَقُّ ٱلْأَرْضُ
وَتَخِرُّ ٱلْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾
أَن دَعَوْا۟ لِلرَّحْمَٰنِ وَلَدًا ﴿٩١﴾
وَمَا يَنۢبَغِى لِلرَّحْمَٰنِ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا ﴿٩٢﴾

"Dan mereka berkata: Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(88). Sesungguhnya kamu telah mengeluarkan suatu (perkataan) yang amat keji(89). Langit hampir-hampir pecah kerana perkataan itu dan bumi hampir terbelah dan gunung-ganang hampir runtuh(90). Kerana mereka mendakwa Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(91). Sedangkan tidak wajar bagi Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak."(92)

Bunyi lafaz-lafaz dan nada ungkapan-ungkapan turut serta dengan bayangan-bayangan pemandangan dalam menggambarkan suasana marah, cemburu dan memberontak itu. Hati nurani alam buana dan anggota-anggotanya menggigil, menggelentar dan menggerunyut kerana mendengar perkataan yang kesat dan menyentuh kesucian zat Allah Yang Maha Tinggi, sebagaimana setiap anggota manusia menggigil ketika ia marah terhadap sesuatu yang menyentuh kehormatannya atau kehormatan mereka yang disayangi dan dihormatinya.

Pemberontakan alam buana kerana perkataan yang kesat itu disertai oleh langit, bumi, gunung-ganang, dan lafaz-lafaz ayat dengan nada-nadanya menggambarkan harakat pemberontakan, dan kegementaran itu.

Sebaik sahaja keluarnya perkataan yang kesat itu:

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ﴿٨٨﴾

"Dan mereka berkata: Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak."(88)

Maka ia terus disambut dengan kata-kata kecaman:

لَّقَدْ جِئْتُمْ شَيْـًٔا إِدًّا ﴿٨٩﴾

"Sesungguhnya kamu telah mengeluarkan suatu (perkataan) yang amat keji."(89)

Kemudian setiap kejadian yang diam di sekeliling mereka terus menggelentar dan menggigil dan seluruh alam buana melahirkan kemarahannya kerana menyentuh kehormatan Penciptanya. Ia merasa perkataan itu bertentangan dengan entitinya dan fitrahnya dan bercanggah dengan hakikat yang tersemat di dalam hati nuraninya dan di dalam entitinya. Perkataan itu telah menggoncangkan tapak pendirian dan ketenangannya:

تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنشَقُّ ٱلْأَرْضُ
وَتَخِرُّ ٱلْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾
أَن دَعَوْا۟ لِلرَّحْمَٰنِ وَلَدًا ﴿٩١﴾
وَمَا يَنۢبَغِى لِلرَّحْمَٰنِ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا ﴿٩٢﴾

"Langit hampir-hampir pecah kerana perkataan itu dan bumi hampir terbelah dan gunung-ganang hampir runtuh(90). Kerana mereka mendakwa Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(91). Sedangkan tidak wajar bagi Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak."(92)

Di tengah-tengah kemarahan alam buana inilah diumumkan pernyataan yang menakutkan:

إِن كُلُّ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ إِلَّآ ءَاتِى
ٱلرَّحْمَٰنِ عَبْدًا ﴿٩٣﴾
لَّقَدْ أَحْصَىٰهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا ﴿٩٤﴾
وَكُلُّهُمْ ءَاتِيهِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فَرْدًا ﴿٩٥﴾

"Tiada siapa pun di langit dan di bumi melainkan semuanya datang mengadap Allah Yang Maha Penyayang sebagai seorang hamba(93). Sesungguhnya Allah telah menghitung dan mengira mereka dengan kiraan yang rapi(94). Dan seluruh mereka akan datang mengadap-Nya pada hari Qiamat dengan seorang diri"(95)

yakni setiap penghuni langit dan bumi adalah hamba belaka. Mereka akan datang mengadap Allah dengan rendah diri dan patuh, tiada anak dan tiada sekutu, malah seluruh mereka hanya bersifat makhluk dan hamba sahaja.

Entiti manusia tentulah menggelentar ketika ia memahami maksud pernyataan ini:

لَّقَدْ أَحْصَىٰهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا ﴿٩٤﴾

"Sesungguhnya Allah telah menghitung dan mengira mereka dengan kiraan yang rapi."(94)

Kerana itu di sana tidak ada ruang bagi seseorang untuk melarikan diri dan untuk dilupai.

وَكُلُّهُمْ ءَاتِيهِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فَرْدًا ﴿٩٥﴾

"Dan seluruh mereka akan datang mengadap-Nya pada hari Qiamat dengan seorang diri."(95)

Allah telah menentukan setiap individu akan datang seorang diri sahaja dan tiada siapa yang akan menemaninya untuk menghilangkan kesepiannya dan memberi kekuatan kepadanya, hingga semangat kumpulan juga dicabut dari hatinya. Oleh itu dia benar-benar sebatang kara di hadapan Allah yang akan menjatuhkan hukuman dan balasan.

Di tengah-tengah kesepian dan kecaman itu para-para Mu'minin kelihatan berada di bawah naungan kasih mesra Allah Yang Maha Penyayang:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ ٱلرَّحْمَٰنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan dikurniakan Allah Yang Maha Penyayang kasih mesra terhadap mereka."(96)

Kata-kata kemesraan yang diungkapkan di dalam suasana ini melahirkan perasaan yang lembut yang mengusap hati, mencetuskan rasa keriangan dan kerelaan yang membelai jiwa, iaitu kemesraan yang menyelubungi alam al-Mala'ul-A'la kemudian melimpah ke bumi dan manusia dan menggenangi seluruh buana.

Daripada Abu Hurayrah r.a. daripada Nabi s.a.w. sabdanya: "Apabila Allah kasihkan seseorang hamba, Dia akan memanggil Jibril dan berfirman kepadanya: Wahai Jibril! Sesungguhnya aku kasihkan si polan, oleh itu hendaklah engkau kasihkannya". Sabda beliau: "Lalu Jibril pun kasih kepadanya lalu dia mengumumkan kepada sekalian penghuni langit: Bahawa Allah telah kasih kepada si polan. Oleh itu hendaklah kamu sekalian kasihkan kepadanya". Sabda beliau: "Lalu sekalian penghuni langit pun kasih kepadanya kemudian diletakkan untuknya kasih mesra di bumi. Dan apabila Allah bencikan seseorang hamba dia akan memanggil Jibril dan berfirman kepadanya: Wahai Jibril! Sesungguhnya Aku bencikan si polan. Oleh itu hendaklah engkau benci kepadanya". Sabda beliau: "Lalu Jibril pun benci kepadanya kemudian dia mengumumkan kepada sekalian penghuni langit: Allah telah benci kepada si polan. Oleh itu hendaklah kamu benci kepadanya. Kemudian diletakkan untuknya kebencian di bumi".[3]

(Pentafsiran ayat-ayat 97 - 98)

Berita gembira yang disampaikan kepada para Mu'minin yang bertaqwa dan amaran kepada para pengingkar yang degil tadi merupakan matlamat Al-Qur'an, dan Allah telah memudahkan Al-Qur'an kepada bangsa Arab lalu diturunkannya dengan bahasa ibunda Rasulullah s.a.w. supaya mereka dapat membacanya:

فَإِنَّمَا يَسَّرْنَٰهُ بِلِسَانِكَ لِتُبَشِّرَ بِهِ ٱلْمُتَّقِينَ وَتُنذِرَ بِهِۦ قَوْمًا لُّدًّا ﴿٩٧﴾

"Sesungguhnya Kami telah mempermudahkan Al-Qur'an itu dengan bahasa ibundamu supaya engkau dapat menyampaikan kepadamu berita gembira kepada para Muttaqin dan memberi amaran kepada kaum yang sangat degil."(97)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan sebuah pemandangan yang membuat hati berfikir panjang dan menggelentar, dan membuat daya khayal tidak habis-habis meni'matinya:

Suasana Sunyi Sepi Selepas Dibinasakan Allah

"Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka apakah engkau nampak seorang dari mereka atau mendengar sesuatu bisikan dari mereka."(98)

Pemandangan ini dimulakan kepada anda dengan gempa bumi yang membinasakan, kemudian anda diselubungi suasana senyap sunyi yang amat dahsyat seolah anda dibawa ke lembah maut dan sedang melihat kebinasaan umat-umat yang silam. Di lembah maut yang sayup saujana dilihat mata itu daya khayal anda mengelamun bersama bayang-bayang manusia yang pernah hidup dan bergerak di tempat itu, menjelajah bersama kegiatan-kegiatan kehidupan yang pernah berlangsung dengan cergas dan riang di tempat itu dan berkelana bersama cita-cita dan perasaan-perasaan yang pernah hidup berkobar-kobar di tempat itu... kemudian suasana sunyi sepi dan maut terus menyelubungi; mayat-mayat, kecaian-kecaian badan, kehancuran dan kebinasaan berada di mana-mana. Tiada bisikan, tiada rasa, tiada harakat dan tiada suara:

هَلْ تُحِسُّ مِنْهُم مِّنْ أَحَدٍ

"Apakah engkau nampak seorang dari mereka?"(98)

Lihatlah dan berpalinglah:

---

[3] *Diriwayatkan oleh Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh 'Affan, kami telah diceritakan oleh Abu 'Awanah, kami telah diceritakan oleh Suhayl daripada bapanya daripada Abu Hurayrah, juga diriwayatkan oleh Muslim dari hadith Suhayl, juga diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Bukhari dari hadith Ibn Jurayj daripada Musa daripada Ibn 'Utbah daripada Nafi' daripada Abu Hurayrah.*

"Atau apakah engkau mendengar sesuatu bisikan dari mereka?"(98)

Dengarlah! Itulah sunyi sepi yang amat mendalam dan diam bungkam yang amat menakutkan, tiada siapa yang wujud melainkan hanya Allah Yang Maha Esa, Yang Maha Hidup dan Maha Kekal tidak mati.

* * * * * *